*Termasuk W.P. Putrajaya

5 negeri
melempi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2022


Jadual 1.7 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2022

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGUKUARAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK 2022
Pulau Pinang	3.4	7.9	7.9	15.9	11.3	3.0	13.1
Selangor	-1.6	9.7	4.1	9.0	13.6	32.2	11.9
Pahang	4.9	9.7	-1.0	5.8	16.8	0.8	10.8
WPKL*	..	7.7	2.0	5.3	10.7	-43.3	9.2
MALAYSIA	0.1	2.6	5.0	8.1	10.9	7.3	8.7
Melaka	-0.7	7.6	5.0	6.8	12.2	13.2	8.6
Johor	1.9	7.5	15.9	5.5	10.8	20.8	8.2
Kedah	-0.9	7.8	18.3	8.1	8.1	7.7	7.2
Sarawak	0.7	5.7	4.0	5.6	9.6	20.4	6.5
Negeri Sembilan	-0.6	7.9	5.7	8.0	7.6	-47.9	6.4
Terengganu	-4.7	8.1	3.4	8.2	6.0	-48.1	5.9
Perlis	2.2	7.2	1.1	4.5	5.7	68.4	5.7
Perak	-3.9	8.9	6.1	1.0	7.2	48.1	4.3
Kelantan	-4.9	8.4	19.7	3.1	6.8	36.7	4.3
W.P. Labuan	3.6	..	3.2	1.7	4.6	-13.3	4.0
Sabah	-0.2	-1.3	6.2	-2.5	8.6	12.6	3.7
SUPRA	..	2.0	..	..	..	..	2.0

* Termasuk W.P. Putrajaya
.. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2022


*Termasuk W.P. Putrajaya

BAB 2

PRESTASI EKONOMI PAHANG

SOSIOEKONOMI PAHANG 2022

PRESTASI EKONOMI PAHANG 2022

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

INDEKS HARGA PENGGUNA

RENCANA 2:
ANALISIS PERBANDINGAN KOS
BARANG DIJUAL BAGI
PERDAGANGAN BORONG DAN
RUNCIT DI PAHANG SEMASA
PANDEMIK









SOSIOEKONOMI PAHANG 2022

KDNK: RM61.4 bilion
(2021: RM55.4 bilion)

10.8%
(2021: 0.9%)





PRESTASI EKONOMI PAHANG 2022

10.8%Pertumbuhan
ekonomi Pahang**RM61.4 bilion**Nilai KDNK pada
tahun 2022

Pahang merupakan salah satu negeri yang kaya dengan pelbagai tarikan semula jadi yang menjadi tumpuan para pelancong seperti Cameron Highlands, Taman Negara Pahang, Pulau Tioman dan Bukit Panorama. Selari dengan Strategi Belanjawan Pertama untuk merangsang pembangunan ekonomi, kerajaan negeri sedang giat mengembangkan industri pelancongan sekaligus merancakkan ekonomi penduduk setempat di samping memastikan keseimbangan pembangunan ekonomi seluruh Pahang. Di Pahang, terdapat tiga zon pelancongan utama iaitu zon persisiran pantai atau pulau, zon tanah tinggi dan zon semula jadi. Kerajaan negeri komited dalam merancakkan industri pelancongan negeri ini justeru beberapa inisiatif menjadi fokus utama, antaranya adalah merancakkan ekopelancongan Sungai Pahang dan meneruskan penganjuran pelbagai program pelancongan bertaraf dunia seperti Pahang Ocean Paddle International Challenge 2022 (POPIC 2022) dan Royal Pahang Billfish International Challenge. Di samping itu, kerajaan turut memperkenalkan inisiatif lain bagi mendorong keseimbangan pembangunan ekonomi seluruh Pahang iaitu reformasi ekonomi Wilayah Pahang Barat yang membabitkan daerah Lipis, Raub, Jerantut dan Bera. Terdapat lima kelompok industri yang terlibat dalam reformasi ini iaitu pelancongan, perkhidmatan, pertanian, perkayuan dan mineral.

Pada tahun 2022, ekonomi Pahang telah merekodkan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berjumlah RM61.4 bilion berbanding RM55.4 bilion pada tahun sebelumnya dan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 10.8 peratus berbanding pertumbuhan 0.9 peratus pada tahun 2021, seperti pada **Carta 2.1**.



Dari perspektif sumbangan kepada KDNK, **Carta 2.2** menunjukkan bahawa Sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi Pahang dengan sumbangan sebanyak 51.8 peratus, manakala Sektor Pembuatan dan Pertanian, masing-masing mencatatkan sumbangan sebanyak 22.4 peratus dan 22.2 peratus. Seterusnya, Sektor Pembinaan menyumbang 2.6 peratus diikuti Sektor Perlombongan dan pengkuarian dengan sumbangan sebanyak 0.9 peratus.


Peningkatan ekonomi negeri Pahang disokong oleh pertumbuhan positif dari penyumbang utama iaitu Sektor Perkhidmatan yang bertumbuh sebanyak 16.8 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya yang mencatatkan penyusutan 1.3 peratus manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian bertumbuh 9.7 peratus diikuti sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 5.8 peratus. Sebaliknya, sektor Pembinaan menyusut 1.0 peratus seperti pada **Carta 2.3**.

Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM31.8 bilion pada tahun 2022 (2021: RM27.3 bilion) dengan peningkatan 16.8 peratus (2021: -1.3%). Peningkatan ini diperkukuhkan oleh prestasi baik kumpulan perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang mencatatkan peningkatan 20.4 peratus. Tambahan pula, peningkatan jualan keseluruhan industri bagi kenderaan bermotor memberikan impak positif kepada subsektor Perdagangan borong & runcit ekoran keputusan pihak berkuasa memberi lanjutan pengecualian cukai jualan mulai 2021 sehingga Jun 2022. Selain itu, subsektor Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkembang 48.0 peratus pada tahun 2022 turut mendorong peningkatan sektor ini.


Di samping itu, sektor Pembuatan yang juga merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK Pahang, merekodkan nilai ditambah sebanyak RM13.7 bilion pada tahun 2022 (2021: RM13.0 bilion) dengan pertumbuhan 5.8 peratus (2021: 6.1%). Prestasi sektor ini disumbangkan oleh peningkatan 19.4 peratus dalam subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan. Walau bagaimanapun, subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik berkembang perlahan 0.5 peratus (2021: 5.4%).

Carta 2.1


Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Pahang, 2015-2022

**Carta 2.2**

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Pahang, 2022

**Carta 2.3**

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Pahang, 2021-2022



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama Pahang, 2022

SEKTOR PERKHIDMATAN


RM31.8 billion

(2021 : RM27.3 billion)



SEKTOR PEMBUATAN


RM13.7 billion

(2021 : RM13.0 billion)



SEKTOR PERTANIAN


RM13.6 billion

(2021 : RM13.0 billion)



SEKTOR PEMBINAAN


RM1.59 billion

(2021 : RM1.60 billion)



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN


RM556.6 juta

(2021 : RM507.2 juta)



Sektor Pertanian pula mencatatkan pertumbuhan 4.9 peratus (2021: -0.01%) dengan nilai ditambah sebanyak RM13.6 bilion pada tahun 2022 (2021: RM13.0 bilion). Prestasi ini didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pengeluaran kelapa sawit yang merupakan aktiviti utama sektor Pertanian negeri ini. Selain itu, pengeluaran tanaman sayuran dan buah-buahan turut menunjukkan peningkatan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan baik sektor ini. Dalam memacu sektor Pertanian, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM3.35 juta bagi membantu para petani di seluruh Pahang.

Sementara itu, sektor Pembinaan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM1.59 bilion (2021: RM1.60 bilion) dengan mencatatkan penyusutan 1.0 peratus (2021: 18.5%). Prestasi ini dipengaruhi oleh penurunan dalam aktiviti pembangunan bukan kediaman dan pembinaan pertukangan khas. Namun begitu, sektor Pembinaan di Pahang diseimbangkan oleh subsektor bangunan kediaman dan kejuruteraan awam yang mencatatkan pertumbuhan positif.

Seterusnya, sektor Perlombongan dan pengkuarian bertumbuh 9.7 peratus (2021: -17.3%) dengan nilai ditambah sebanyak RM556.6 juta (2021: RM507.2 juta). Sektor ini didorong oleh aktiviti perlombongan emas, bijih besi dan timah. Kerajaan negeri telah mewujudkan Skim Pelombong Kecil kepada pengusaha aktiviti perlombongan bagi membendung aktiviti tersebut dilakukan secara haram. Skim ini diberi kepada pengusaha yang memiliki tanah yang mempunyai hasil mineral seperti emas dan bijih besi.



PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan selamat, sektor Pertanian di negeri perlu ditransformasi supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif sebagai pengeluar utama makanan negara seterusnya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi di negeri. Sektor Pertanian di Pahang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM13.6 bilion pada tahun 2022 berbanding RM13.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Pahang, menyumbang 22.2 peratus pada tahun 2022 dan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada sektor Pertanian di Malaysia iaitu 13.8 peratus. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang majoriti sektor Pertanian di Pahang dengan sumbangan 79.4 peratus, diikuti subsektor Perhutanan & pembalakan (9.4%), Perikanan (5.6%) dan Ternakan (5.6%).

Pertumbuhan sektor ini meningkat kepada 4.87 peratus berbanding menyusut 0.01 peratus pada tahun sebelumnya disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Tanaman dan Perikanan. Subsektor Tanaman yang mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus berbanding negatif 0.1 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh peningkatan dalam komoditi kelapa sawit. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (**Jadual 2.1**),

pengeluaran buah tandan segar di Pahang merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 11.9 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021: -8.0%).

Beberapa aktiviti dalam subsektor Tanaman seperti tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan juga menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan yang positif. Antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan peningkatan adalah tomato, kobis bulat dan salad. Manakala tanaman buah-buahan utama yang meningkat pula ialah durian, pisang dan tembikai.

Walaupun subsektor Perhutanan & pembalakan mencatatkan penyusutan 1.3 peratus, namun pertumbuhannya lebih baik berbanding negatif 2.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Subsektor Perikanan turut mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 2.1%). Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pendaratan ikan laut.

Subsektor Ternakan pula menyusut 3.6 peratus berbanding 4.7 peratus pada tahun 2021. Ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam aktiviti ternakan lembu & kerbau serta ayam & itik.



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Pahang mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM556.6 juta berbanding RM507.2 juta pada tahun 2021. Sektor ini menyumbang 0.9 peratus kepada KDNK Pahang.

Pada tahun 2022, sektor ini meningkat 9.7 peratus (2021: -17.3%) seperti pada **Carta 2.5**. Peningkatan ini dipengaruhi oleh aktiviti perlombongan bijih besi dan pemecahan batu. Selain itu, aktiviti perlombongan emas, ilmenit dan pengkuarian pasir juga menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

SEKTOR PEMBINAAN

Pahang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM1.59 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2022, menyusut berbanding RM1.60 bilion yang direkodkan pada tahun 2021. Sektor ini menyumbang sebanyak 2.6 peratus kepada keseluruhan ekonomi Pahang.

Pada tahun 2022, sektor Pembinaan Pahang menyusut 1.0 peratus berbanding pertumbuhan 18.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, seperti pada **Paparan 2.2**.

Prestasi ini dipengaruhi oleh penguncupan subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pertukangan khas yang masing-masing menyumbang sebanyak 27.4 peratus dan 11.2 peratus. Sebaliknya, subsektor bangunan kediaman yang menyumbang 29.0 peratus kepada sektor Pembinaan Pahang merekodkan prestasi positif.

Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang terdapat di Pahang ialah:

- ♦ *Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (EPCC) of the East Coast Rail Link Project (ECRL);*
- ♦ *Central Spine Road Pakej 5: Raub ke Bentong;*
- ♦ *Pembangunan kompleks hotel 33 tingkat dan taman tema dalaman dengan ruang perniagaan, Genting Highlands;*
- ♦ *Pembinaan kilang sarung tangan di Kawasan Perindustrian Gebeng;*
- ♦ *Pembinaan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah, Kuantan;*
- ♦ *Projek pemuliharaan muara Sungai Pahang;*
- ♦ *Menaiktaraf jalan persekutuan dari bandar Pekan ke Kampung Sungai Miang;*
- ♦ *Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kuantan, Rancangan Tebatan Banir Fasa II; dan*
- ♦ *Pembangunan insititusi Masjid Bandaraya dan Kompleks Pusat Islam, Kota Sultan Ahmad Shah.*



“


Sektor Pembinaan Pahang mencatatkan RM1.59 bilion nilai ditambah pada tahun 2022

”



Paparan 2.2

Pertumbuhan sektor Pembinaan, Pahang, 2022



SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi Pahang selepas sektor Perkhidmatan. Pada tahun 2022, nilai ditambah bagi sektor ini direkodkan sebanyak RM13.7 bilion (2021: RM13.0 bilion) dengan bertumbuh sederhana sebanyak 5.8 peratus berbanding peningkatan 6.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Carta 2.6 menunjukkan 44.4 peratus daripada keseluruhan sektor Pembuatan Pahang didominasi oleh kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Kumpulan ini menyederhana kepada marginal 0.5 peratus (2021: 5.4%) didorong oleh segmen bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal yang berkembang 0.8 peratus berbanding pertumbuhan 4.5 peratus pada tahun 2021.

Walau bagaimanapun, subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan yang merupakan penyumbang kedua sektor Pembuatan Pahang (sumbangan 27.2%) merekodkan pertumbuhan memberangsangkan apabila bertumbuh 19.4 peratus berbanding pertumbuhan

mampan 11.7 peratus pada tahun sebelumnya disokong oleh aktiviti pembuatan kenderaan komersial.

Pada masa sama, subsektor produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan memulih dengan bertumbuh positif 3.2 peratus berbanding penguncupan 8.7 peratus pada tahun 2021. Prestasi ini selari dengan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah di Pahang. Subsektor ini merupakan antara penyumbang utama sektor Pembuatan negeri ini dengan sumbangan sebanyak 12.3 peratus.

Secara keseluruhannya, nilai pelaburan yang diluluskan bagi projek Pembuatan di Pahang adalah sebanyak RM2.5 bilion. Industri produk getah menerima nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM2.0 bilion.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pembukaan semula sempadan antarabangsa negara pada 1 April 2022 telah mempercepat pemulihan prestasi semua sektor ekonomi. Ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor perkhidmatan di sesebuah negeri.

Pada tahun 2022, sektor Perkhidmatan di Pahang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM31.8 bilion (2021: RM27.3 bilion), iaitu pertambahan sebanyak RM4.6 bilion berbanding tahun sebelumnya yang menyusut RM0.3 bilion. Sumbangan sektor ini kepada KDNK Pahang adalah 51.8 peratus (2021: 49.2%).

Sektor ini mencatatkan pertumbuhan dua digit yang menggalakkan iaitu 16.8 peratus berbanding penyusutan 1.3 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan pada **Paparan 2.3**.

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2022 bagi subsektor Perkhidmatan



Perdagangan borong dan runcit

Pada tahun 2022, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 28.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pahang. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh dua digit iaitu 13.2 peratus (2021: 0.9%) dipengaruhi oleh segmen runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 19.4 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan diikuti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan dan juga jualan runcit makanan, minuman &

tembakau di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Pahang adalah 55.3 peratus (**Carta 2.7**).

Segmen borong turut bertumbuh, namun perlahan kepada 1.6 peratus pada tahun 2022 (2021: 2.9%) dipengaruhi oleh peningkatan dalam aktiviti jual borong barangan isi rumah dan juga jual borong jentera, kelengkapan & bekalan. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Pahang adalah 36.4 peratus.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor melonjak dengan ketara kepada 33.5 peratus (2021: -14.8%) dipengaruhi oleh aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor, jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor dan juga jualan kenderaan bermotor.

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 3.2 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Pahang. Aktiviti pelabuhan & operasi penerbangan merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 22.5 peratus, diikuti pengangkutan air (19.6%), operasi lebuhraya (18.7%), pengangkutan darat (18.3%), perkhidmatan pos & kurier (13.3%), pengangkutan lain (6.2%) dan pengangkutan udara (1.5%) seperti pada **Carta 2.8**.

Pada tahun 2022, subsektor ini menunjukkan peningkatan dua digit iaitu 17.1 peratus berbanding penguncupan 4.4 peratus pada tahun sebelumnya. Ekosistem ekonomi yang telah dibuka sepenuhnya merancakkan pertumbuhan subsektor ini yang didorong oleh peningkatan aktiviti pelabuhan & operasi penerbangan, pengangkutan air, operasi lebuhraya, pengangkutan darat, perkhidmatan pos &



kurier, pengangkutan lain dan pengangkutan udara.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang 7.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pahang. Pada tahun 2022, nilai ditambah bagi subsektor ini berjumlah RM2.5 bilion dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 3.9 peratus berbanding 6.5 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Twitter dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor maklumat dan komunikasi ialah aktiviti perkhidmatan komputer & maklumat dan aktiviti penerbitan & penyiaran dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4 peratus dan 2.1 peratus.

Perkhidmatan swasta lain

Industri berasaskan pelancongan merupakan antara industri yang menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan pada tahun 2022 setelah pembukaan ekonomi secara menyeluruh dan juga pembukaan semula pintu sempadan antarabangsa negara.

Subsektor perkhidmatan swasta lain yang merupakan salah satu aktiviti bagi industri berasaskan pelancongan turut mendapat impak positif. Ini kerana sebahagian besar aktiviti dalam subsektor ini merangkumi aktiviti berkaitan dengan pelancongan seperti kebudayaan, hiburan, rekreasi, perjudian, sukan dan aktiviti persendirian yang lain.

Pada tahun 2022, subsektor ini merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan lonjakan sebanyak 96.7 peratus setelah mengalami kemerosotan dua tahun berturut-turut pada tahun 2020 dan 2021 masing-masing sebanyak 39.8 peratus dan 32.6 peratus. Nilai ditambah subsektor ini berjumlah RM3.6 bilion (2021: RM1.9 bilion) dengan sumbangan sebanyak 11.5 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Pahang.

Secara umumnya, subsektor perkhidmatan swasta lain ini merupakan antara penyumbang utama kepada kenaikan sektor Perkhidmatan di Pahang yang berkembang 16.8 peratus pada tahun 2022 berbanding penyusutan 1.3 peratus pada tahun 2021.

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi Pahang bertumbuh 3.9% pada tahun 2022

**Subsektor penginapan dan makanan & minuman
Pahang bertumbuh 52.8%
pada tahun 2022**

Penginapan dan makanan & minuman

Susulan pengumuman kerajaan untuk membuka pintu sempadan kepada pelancong antarabangsa bermula 1 April 2022, dilihat memberi impak yang positif kepada sektor pelancongan. Subsektor penginapan di negeri Pahang merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 132.4 peratus pada tahun 2022 (2021: -16.1%). Ini turut disokong oleh data bilangan tetamu hotel daripada Tourism Malaysia yang meningkat seramai 8.1 juta orang atau 422.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Data kedatangan pelancong ke Pahang daripada Tourism Pahang juga mencapai pertumbuhan 360.5 peratus berbanding penyusutan 70.0 peratus pada tahun 2021.

Subsektor makanan dan minuman mencatatkan peningkatan 21.7 peratus (2021: -6.6%). Subsektor ini menyumbang sebanyak 4.8 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Pahang.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan pemulihan 17.8 peratus pada tahun 2022 (2021: -8.8%) disokong oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 75.2 peratus. Aktiviti ini melonjak 15.9 peratus daripada negatif 6.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mendorong prestasi tersebut termasuklah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada peningkatan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.

Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 24.8 peratus dan mencatatkan perkembangan 24.0 peratus (2021: -15.1%) disebabkan oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang 0.4 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Pahang. Pada tahun 2022, subsektor ini merekodkan pertumbuhan 5.6 peratus (2021: -2.8%) dipacu oleh aktiviti pendidikan tinggi (2022: 2.9%). Pengoperasian kesemua institusi pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka telah mendorong kepada peningkatan bagi subsektor ini.

Aktiviti pendidikan tinggi menjadi penyumbang utama dengan sumbangan 49.7 peratus seperti pada **Carta 2.9**. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (28.4%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (14.6%), pendidikan menengah (7.0%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.3%).





Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 0.6 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pahang. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 9.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun 2021.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 51.3 peratus merekodkan pertumbuhan 6.8 peratus pada tahun 2022 (2021: 6.9%). Antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

**Subsektor
perkhidmatan kesihatan swasta
Pahang bertumbuh 9.7%
pada tahun 2022**



Perkhidmatan kerajaan




Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini diperoleh daripada nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap.

Subsektor ini meliputi empat peringkat kerajaan iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2022, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Pahang adalah sebanyak RM7.5 bilion berbanding RM7.2 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9 peratus (2021: 5.4%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 23.7 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di negeri ini.

CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Carta 2.4
Prestasi sektor Pertanian, Pahang, 2021-2022

Carta 2.5
Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Pahang, 2015-2022

Carta 2.6
Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Pahang, 2022

Carta 2.7
Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Pahang, 2022

Carta 2.8
Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Pahang, 2022

Carta 2.9
Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Pahang, 2022




JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Pahang, 2021-2022

Pahang	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2021	2022	2021	2022
Buah tandan segar ('000 tan)	14,203	15,889	-8.0	11.9
Minyak sawit mentah ('000 tan)	2,796	3,013	-6.8	7.8
Isirong sawit ('000 tan)	714	786	-8.3	10.2
Keluasan belum matang (hektar)	69,346	71,440	-13.4	3.0
Keluasan matang (hektar)	686,560	678,373	-2.2	-1.2

Sumber: MPOB

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Pahang, 2021-2022

Subsektor	2021 ^e			2022 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	3,650	13.4	3.6	3,908	12.3	7.1
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	9,653	35.4	-1.2	11,620	36.5	20.4
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	2,979	10.9	5.9	3,155	9.9	5.9
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,789	13.9	-19.0	5,608	17.6	48.0
Perkhidmatan kerajaan	7,181	26.4	5.4	7,533	23.7	4.9
Jumlah	27,252	100.0	-1.3	31,823	100.0	16.8

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Antara perkhidmatan perlu termasuklah :

1. Pasaraya/pasaraya besar
2. Kedai farmasi
3. Restoran

FASA 1

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Kedai cuci kereta
2. Kedai elektrik & elektronik
3. Kedai perabot

FASA 2

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Kedai barangan terpakai
2. Kedai bunga dan nurseri
3. Kedai antik

FASA 3

Antara perkhidmatan yang beroperasi termasuklah :

1. Spa
2. Rawatan kuku
3. Pusat hiburan

FASA 4

Semua sektor Perkhidmatan boleh beroperasi pada kapasiti penuh tertakluk kepada pematuhan SOP

Negeri	2021				2022			
	Jan-Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Johor	Pelaksanaan PKP, PKPP, PKPB, PKPD	1	1	1	2	4	4	4
Kedah		1	1	1	1	3	4	4
Kelantan		1	2	2	2	3	3	3
Melaka		1	1	1	2	4	4	4
Negeri Sembilan		1	1	2	4	4	4	4
Pahang		1	2	2	3	4	4	4
Pulau Pinang		1	2	2	2	3	4	4
Perak		1	2	2	2	3	4	4
Perlis		1	2	3	3	3	4	4
Selangor		1	1	1	2	4	4	4
Terengganu	Pembukaan Sempadan	1	2	2	3	4	4	4
Sabah		1	2	2	2	3	4	4
Sarawak		1	2	3	3	3	3	3
WP Kuala Lumpur		1	1	1	2	4	4	4
WP Labuan		1	2	4	4	4	4	4
WP Putrajaya		1	1	1	2	4	4	4

Sumber: MKN



KRONOLOGI KELONGGARAN PERJALANAN PELANCONG, 2022

24 JAN 2022

- Kuarantin 5 hari bagi penerima vaksin penggalak selepas tiba di Malaysia.
- Kuarantin 7 hari bagi yang cukup 2 dos tanpa dos penggalak atau 10 hari bagi yang belum lengkap divaksin
- Perlu melakukan PCR 2 hari sebelum berlepas, apabila tiba dan pada hari ke-4 atau menggunakan RTK pada hari ke-5
- Pelancong yang baru tiba dari negara berisiko perlu menjalani kuarantin di rumah dan memakai alat pengesan digital.
- Kapasiti bas dan penerbangan VTL ke Singapura dihadkan kepada 50 peratus.

- **Dos Penggalak:**
Kuarantin 5 hari
- **2 Dos :**
Kuarantin 7 hari
- **Belum lengkap vaksinasi:**
Kuarantin 10 hari

3 MAC 2022

- Pelancong VTL, Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB) dan One Stop Centre (OSC) bagi perjalanan singkat tidak perlu lagi menjalani Ujian RTK-Ag, tetapi perlu menjalankan ujian COVID-19 2 hari sebelum berlepas dan RTK-Ag apabila tiba di Malaysia.
- Kerajaan memansuhkan RT-PCR atau RTK-Ag sebelum meninggalkan Langkawi bagi program LITB seiring dengan pembatalan ujian kendiri sepanjang tempoh kuarantin kepada pelancong UK.

Pemansuhan RT-PCR @ RTK-Ag bagi program LITB

1 APR 2022

- Pembukaan pintu sempadan kepada pelancong antarabangsa.
- Pelancong yang lengkap divaksinasi tidak perlu menjalani kuarantin, hanya perlu melakukan RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia
- Pelancong hanya perlu mengaktifkan MySejahtera tanpa perlu memohon MyTravelPass. Pelancong yang masih belum lengkap divaksin perlu menjalani kuarantin selama 5 hari selepas ketibaan.
- Pelancong berumur 12-17 tahun tidak perlu dikuarantin tetapi perlu menjalani COVID-19 RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia.

Pembukaan pintu sempadan

1 MEI 2022

- Pelancong yang lengkap vaksinasi tidak perlu menjalani ujian COVID-19 termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah serta mereka yang telah dijangkiti dalam tempoh 6-60 hari sebelum berlepas ke Malaysia.
- Pelancong yang belum lengkap vaksinasi masih perlu menjalani ujian RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia dan menjalani 5 hari kuarantin (pengecualian untuk umur 17 tahun dan ke bawah).

Tidak perlu ujian bagi yang lengkap vaksinasi

1 OGOS 2022

- Pelancong yang masuk ke Malaysia tidak perlu lagi melengkapkan Kad Pelancong pada aplikasi MySejahtera.
- Sekiranya pelancong dikesan demam atau tidak sihat melalui pengimbas haba yang diletakkan pada pintu masuk antarabangsa, mereka akan dirujuk ke bahagian kesihatan untuk menjalani pemeriksaan.

Tidak perlu kemaskini kad pelancong

28 SEPT 2022

- Pemakaian pelitup muka tidak lagi diperlukan di dalam kapal terbang.
- Bagaimanapun, wanita hamil, penumpang yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan mereka yang menghadapi penyakit kronik, dan imuniti rendah digalakkan untuk memakai pelitup muka.

Tidak perlu pakai pelitup muka di kapal terbang

Sumber: <https://themalaysianreserve.com/2022/12/28/2022-malaysia-welcomes-back-international-travellers/>

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2022

1 SEKTOR PENDIDIKAN & ICT

- Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1.
- Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia - Bantuan pelajar B40.
- Peranti Siswa - Bantuan laptop.
- Perkhidmatan Internet Satelit Luar Bandar (PeSAT) di Kelantan.

2 SEKTOR PEMBUATAN

- Geran RM5,000 kepada PKS yang mengguna pakai teknologi digital.
- Syarikat Multinasional (MNC) layak mendapat beberapa insentif cukai, termasuk pengurangan kadar cukai korporat sebanyak 17 peratus untuk RM150,000.
- pertama pendapatan bercukai.
- MNC yang melabur di Malaysia layak mendapat beberapa geran pelaburan, termasuk geran padanan sehingga RM100 juta untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) milik Bumiputera.
- Geran RM10,000 kepada PKS untuk mengeksport produk dan perkhidmatan.

3 SEKTOR PELANCONGAN

- Program Subsidi Upah bersasar khusus kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan Pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus.
- RM600 juta diperuntuk sebagai pembiayaan khusus bagi sektor pelancongan di bawah Skim Pemulihan BPMB dan Pembiayaan Sektor Pelancongan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- Memperuntukkan RM85 juta bagi bantuan khas kepada lebih 20,000 pengusaha pelancongan yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).
- Pengecualian duti ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di semua Wilayah Persekutuan dan pengecualian cukai pelancongan.
- Pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.
- Pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pelancongan domestik sehingga RM1,000 dilanjutkan hingga tahun taksiran 2022.

4 LAIN-LAIN

- Bantuan RM150 juta untuk transformasi nelayan.
- Peruntukan RM1 juta khidmat guaman bantu Keluarga Malaysia tidak berkemampuan.
- RM900 juta diperuntukkan bagi modenkan sistem Imigresen negara.
- Kerajaan beri tunai RM100 seisi rumah, RM50 bujang.
- Peruntukan khas RM21 juta bangun tanah rancangan FELDA.
- Peruntukan RM50 juta untuk perniagaan mikro berasaskan makanan.
- RM1.53 bilion untuk bantu pesawah.
- Dana RM114 juta sokong usahawan luar bandar.
- Pengurangan kadar cukai sehingga 2 mata peratusan melibatkan setiap banjaran pendapatan melebihi RM35 ribu sehingga RM100 ribu bertujuan untuk menambah pendapatan boleh guna.
- Pengekalan tarif elektrik bagi pengguna domestik.
- Bantuan Tunai Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM700 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.
- Bantuan tunai RM800 untuk tempoh 4 bulan bagi pekebun kecil getah bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan semasa musim tengkujuh.

Sumber: <https://budget.mof.gov.my/manfaat/rakyat-kewangan.html>, <https://www.skmm.gov.my/>, Berita Harian, Metro, New Straits Times dan lain-lain

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN NEGERI, 2022

JOHOR - Pengecualian bayaran sewa premis dan gerai milik PBT serta Peruntukan Baucar - Pelancongan Johor - RM2.14 juta disalurkan bagi Program Pembangunan Industri Asas Tani - Pengecualian pembayaran lesen Peradangan Unggas Negeri Johor - RM420 ribu diperuntukkan untuk pembangunan industri tenusu dan pembiak-bakaan - Insentif petrol secara one-off kepada pemandu e-hailing dan pemandu teksi	KEDAH - Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) - RM1.58 juta - Bantuan pertanian seperti benih & baja, jentera pertanian oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) - RM6.4 juta - Menyediakan tapak niaga kepada peniaga dan peniaga kecil - RM1.24 juta - Prasarana pelancongan & pemuliharaan bangunan warisan - RM3.0 juta - Insentif bantuan khas kepada penjawat awam berjumlah RM1,500	KELANTAN - RM30.51 juta pembangunan sektor pelancongan - RM140.6 juta pembangunan program pendidikan - RM6.39 juta kemajuan pertanian dan meliputi promosi pertanian dan latihan - RM21.09 juta untuk memperkasakan sumber rantian bekalan makanan	MELAKA - Geran bantuan modal kepada pengusaha kecil pelancongan RM200 ribu - Sara Nelayan - One-off RM1000 kepada 1,176 nelayan berdaftar (RM1.18 juta) - Menambah baik skim subsidi peralatan nelayan, petani dan penternak - RM100 ribu - Projek industri tanaman makanan - RM690 ribu kepada 200 orang petani - Projek kluster tanaman durian dan kelapa - RM400 ribu kepada 50 orang petani - Pengecualian bayaran lesen beca	NEGERI SEMBILAN - Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) & Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan Plus (TUNS PLUS) - RM3,000 - Biasiswa Anak Negeri - RM600 - Rumah Harapan Rakyat i-SURI	PAHANG - Peruntukan RM17.09 juta kepada penternak dan industri hiliran - Bantuan IN-KIND kepada nelayan darat - RM380 ribu - Bantuan Prihatin Pahang (BPP 2022) - RM30 juta - Penyediaan tawaran penginapan kreatif dengan kadar menarik oleh sektor perhotelan dengan menawarkan konsep Buy Now Travel Later - Program Anggun Niaga bantuan one-off RM 1,000 kepada usahawan kecil ibu tunggal	PULAU PINANG - Peruntukan RM5 juta bagi Skim PEKA PKS 3.0 - Pembiayaan geran kepada Penang STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) 4.0 - Peruntukan RM50 juta bagi projek-projek pembangunan pelancongan - Peruntukan sebanyak RM2.0 juta kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah - Peruntukan RM1 juta bagi Penang i4.0 Seed Fund 2.0	SABAH - RM33.7 juta bagi pembangunan tanaman - RM79.54 juta bagi peruntukan perbekalan tanaman - RM227.4 juta diperuntukkan kepada sektor pelancongan - RM9.5 juta diperuntukkan kepada Lembaga Kebudayaan Sabah - RM400 ribu kepada persatuan-persatuan kebudayaan	SARAWAK - RM60 juta bagi membantu golongan berpendapatan rendah daripada sektor kelapa sawit dan pengusaha kecil - RM5,000 bagi peralatan pertanian, racun dan baja - Diskaun bil elektrik 5 peratus sehingga 25 peratus ke atas bil elektrik bulanan kepada pengguna domestik, komersil dan industri - Pengecualian bayaran sewa kepada PKS - Diskaun 50 peratus sewa pasar dan gerai	PERAK - Silver Valley Pre-Package Incentives memberikan diskaun premium tanah sehingga 30 peratus dan remisyen cukai tanah sehingga 15 peratus - PRE Perak Sejahtera (RM47.0 juta) (keajaiberaan sosial, keselamatan makanan, pendidikan, pelancongan serta rekreasi dan sukan) - Peruntukan RM3.1 juta bagi pembangunan komoditi pertanian - Pembelian hasil pertanian daripada golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas	PERLIS - Peruntukan RM658 ribu bagi Program Pertanian Hidroponik - RM500 ribu disediakan untuk pelbagai program pendidikan - Peruntukan sebanyak RM7.16 juta bagi program pelancongan - RM695 ribu bagi pembangunan industri penternakan, produk berasaskan temakan serta agro-pelancongan temakan	SELANGOR - Membangunkan Pusat Industri Hiliran Hasil Laut dan Agro Makanan seluas 450 ekar - RM500 juta - Pengecualian 100 peratus bayaran caj pemajuan bagi pembinaan rumah mampu milik - Inisiatif sektor pelancongan - RM114.6 juta - Program Geran Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) - RM2.0 juta - Pembiayaan kepada usahawan - RM120.0 juta 50 peratus geran padanan atau pembiayaan maksimum sehingga RM5 ribu kepada PKS - RM5.0 juta	W.P. LABUAN - Insentif kepada pengusaha pertanian di Labuan di bawah program pembangunan tanaman buah-buahan jangka masa panjang, jangka masa pendek dan juga Program Pertanian Bandar - Pembiayaan bangunan baharu Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA MAWP) - RM65 juta	W.P. KL - Peruntukan pembangunan RM38 juta untuk 22 projek - RM32.87 juta untuk program kebudayaan, kesenian dan sukan serta pelancongan dan antarabangsa - RM90.4 juta untuk keindahan dan kecantikan bandar - RM40 juta untuk penambahbaikan jalan dari segi laluan pejalan kaki dan basikal, lanskap, pencayaan, penanaman pokok
---	--	---	--	--	---	---	---	--	--	---	--	--	--

Sumber: Belanjawan Kerajaan Negeri Tahun 2022, Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 8.0 & 9.0, Berita Harian, <https://www.wilayahku.com>, <https://www.jpwp.com>, <https://www.astroawani.com>



INDEKS HARGA PENGGUNA

Peningkatan inflasi pada tahun 2022 di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kenaikan harga komoditi, kenaikan harga minyak global, pengukuhan dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding mata wang utama dan isu ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Malaysia juga turut terjejas disebabkan oleh faktor-faktor tersebut selain dari kejadian seperti banjir dan tanah runtuh yang mengganggu bekalan produk pertanian dan menyebabkan kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga. Rentetan itu, Malaysia mencatatkan inflasi yang lebih tinggi iaitu 3.3 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (2.5%). Ini merupakan peningkatan tertinggi sejak 2018.

Kenaikan harga komoditi global berpunca salah satunya disebabkan oleh konflik yang berterusan antara Rusia dan Ukraine kerana kedua-dua negara ini merupakan antara pengeluar utama beberapa komoditi utama seperti gandum, jagung, minyak bunga matahari dan sebagainya. Konflik ini telah memberi kesan kepada inflasi makanan di Malaysia kerana Malaysia bergantung kepada import bagi beberapa item makanan untuk memenuhi permintaan domestik. Peningkatan kos input bagi pertanian secara tidak langsung turut memberi impak kepada kenaikan harga makanan di Malaysia.

**Inflasi Pahang meningkat
kepada 3.0%**



Selain itu, peningkatan purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2022 (41.7%) kepada \$AS99.82 setong berbanding \$AS70.44 setong (2021) telah memberi kesan langsung kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel.

Purata harga petrol tanpa plumbum RON95 pada tahun 2022 meningkat sebanyak 1.1 peratus (RM2.05 seliter) tahun ke tahun berbanding 21.2 peratus (RM2.03 seliter) pada tahun 2021. Namun begitu, purata harga petrol tanpa plumbum RON97 meningkat ketara 32.9 peratus (RM3.97 seliter) berbanding 50.2 peratus (RM2.65 seliter) pada tahun sebelumnya.





Inflasi Pahang meningkat kepada 3.0 peratus kadar yang sama dicatatkan pada tahun 2021 dengan mata indeks mencatatkan 124.7 (2021: 121.1). Perbezaan inflasi di negeri ini 0.3 peratus lebih rendah berbanding inflasi Malaysia (3.3%). Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol (4.9%), Pengangkutan (4.3%), Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (4.0%), Restoran & hotel (3.7%) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.8%) (**Jadual 2.4**).

Inflasi Makanan & minuman bukan alkohol meningkat kepada 4.9 peratus berbanding 2.3 peratus pada tahun 2021. Kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan di antara 1.6 peratus hingga 8.7 peratus. Subkumpulan susu, keju & telur (8.7%) merupakan penyumbang utama kepada peningkatan bagi kumpulan ini. Ini diikuti oleh daging (7.7%), sayur-sayuran (6.0%), beras, roti & bijirin (5.6%), minyak & lemak (4.5%) dan ikan segar dan makanan laut (2.6%) seperti yang dipaparkan di **Jadual 2.5**.

Inflasi Pengangkutan meningkat dengan kadar perlahan kepada 4.3 peratus berbanding 13.2 peratus pada 2021. Peningkatan yang perlahan ini disebabkan terutamanya oleh subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian iaitu 4.5 peratus (2021: 14.9%).

Selain itu, peningkatan inflasi di Pahang juga disumbangkan oleh kumpulan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah yang meningkat kepada 4.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (1.4%). Subkumpulan perabot, hiasan, permaidani & penutup lantai lain menunjukkan peningkatan yang tertinggi iaitu sebanyak 7.9 peratus (2021: 2.4%).

Inflasi Makanan & minuman bukan alkohol meningkat kepada 4.9%


Jadual 2.3 Purata harga item terpilih, Pahang, 2021-2022

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2021	2022
Ayam Bersih-Standard	1kg	8.55	9.35
Telur Gred A	10 biji	3.97	4.45
Telur Gred B	10 biji	3.48	4.22
Telur Gred C	10 biji	3.26	4.00
Ikan Kembung	1 kg	20.12	20.42
Ikan Selayang	1 kg	13.55	14.12
Bawang Besar (India)	1 kg	4.39	4.13
Bayam	1 kg	4.57	5.54
Sawi	1 kg	8.27	9.74
Pisang Berangan	1 kg	4.59	5.07

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10

Perubahan tahunan IHP, Pahang, 2011-2022



Jadual 2.4

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama (%), Pahang, 2021-2022

Tahun	2021	2022
Makanan & minuman bukan alkohol	2.3	4.9
Minuman alkohol & tembakau	0.3	0.3
Pakaian & kasut	0.0	0.2
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	2.6	1.8
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	1.4	4.0
Kesihatan	0.0	0.1
Pengangkutan	13.2	4.3
Komunikasi	0.0	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	0.2	1.1
Pendidikan	0.4	0.2
Restoran & hotel	-0.1	3.7
Pelbagai barangan & perkhidmatan	1.0	1.6
Keseluruhan	3.0	3.0

Jadual 2.5

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Pahang, 2021-2022

Tahun	2021	2022
Makanan & minuman bukan alkohol	2.3	4.9
Makanan di luar rumah	1.3	4.9
Beras, roti dan bijirin	0.8	5.6
Daging	4.0	7.7
Ikan segar dan makanan laut	4.4	2.6
Susu, keju dan telur	1.8	8.7
Minyak dan lemak	4.3	4.5
Buah-buahan	1.3	1.6
Sayur-sayuran	3.2	6.0
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	0.6	2.2
Keluaran makanan t.t.t.l	2.2	5.4
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	0.6	2.6



Rencana 2:

Analisis Perbandingan Kos Barang Dijual Bagi Subsektor Perdagangan Borong Dan Runcit Di Negeri Pahang Sebelum Dan Semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan¹ (PKP)

Intan Nur Anatasha Kamal Ariffin, Umi Salmah Zainol, Razaman Ridzuan

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang

Abstrak

Kos barangan dijual merujuk kepada perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh barang atau bahan untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya sama ada jualan secara borong atau runcit. Ini termasuk kos bahan mentah, buruh, pengeluaran atau pembuatan, penghantaran, pengendalian dan perbelanjaan langsung yang lain. Sebagai item perbelanjaan penting pada penyata pendapatan, kos barangan dijual mempunyai kesan langsung ke atas margin keuntungan kasar yang merupakan ukuran kewangan utama bagi mencerminkan keuntungan sesebuah pertubuhan. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penutupan sektor ekonomi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan PKP 3.0 akibat pandemik COVID-19 terhadap kos barangan dijual dan meramalkan kos barangan dijual pada masa hadapan bagi subsektor perdagangan borong dan runcit di Pahang. Kajian ini menganalisis data daripada 137 pertubuhan di Pahang yang terlibat dalam aktiviti kenderaan bermotor, borong dan runcit yang diperoleh daripada Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan dari Januari 2019 hingga Februari 2023. Kajian ini menggunakan analisis Wilcoxon Signed-rank test untuk menentukan kesan pandemik COVID-19 terhadap kos barangan dijual dalam aktiviti tersebut dan menggunakan Ramalan Arima untuk meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan bagi subsektor perdagangan borong dan runcit.

1.0 Pengenalan

Kos barangan dijual ialah komponen penting dalam penyata pendapatan sesebuah pertubuhan perniagaan yang memberi kesan kepada margin keuntungan kasar dan keuntungan keseluruhan secara langsung. Kos barangan dijual termasuk semua kos yang berkaitan untuk memperoleh barang yang dijual, seperti bahan mentah, buruh, kos pengeluaran dan perbelanjaan penghantaran. Penting untuk mengkaji kesan pelaksanaan PKP akibat pandemik COVID-19 terhadap kos barangan dijual dalam pelbagai sektor, termasuk subsektor perdagangan borong dan runcit berikutan kesan pandemik COVID-19 yang berterusan terhadap ekonomi.

Dalam kewangan dan ekonomi, kos barangan dijual ditakrifkan sebagai kos langsung yang boleh dikaitkan dengan pengeluaran barang yang dijual oleh pertubuhan. Jumlah ini termasuk kos bahan yang digunakan dalam mencipta barang, bersama-sama dengan kos buruh langsung yang digunakan untuk menghasilkannya. Perbelanjaan tidak langsung dan kos tambahan seperti kos pengagihan dan kos tenaga jualan dikecualikan daripada kos barangan dijual ini. (Alizadeh et al., 2018).

Subsektor perdagangan borong dan runcit memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri Pahang. Subsektor ini mencatatkan sumbangan sebanyak RM27,182 juta atau 49.1 peratus dalam Sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan telah terjejas dengan ketara oleh wabak tersebut (Poket Stats Negeri Pahang, 2022) . Sepanjang pandemik COVID-19, sektor ekonomi ditutup

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

sepenuhnya pada Mac sehingga April 2020 dan Jun sehingga Julai 2021 (Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, 2021). Objektif penyelidikan adalah untuk menentukan sama ada pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara ke atas kos barangan dijual dalam aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit serta untuk meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan dalam semua aktiviti menggunakan Ramalan Arima.

Melalui analisis perbandingan kos barangan dijual oleh pertubuhan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kajian ini dapat memberikan pandangan bagaimana penutupan sektor ekonomi ketika pelaksanaan PKP 1.0 dan PKP 2.0 akibat wabak COVID-19 mempengaruhi tiga aktiviti secara berbeza. Penemuan kajian ini boleh membantu penggubal dasar mengenalpasti kaedah terbaik bagi pengurusan wabak serta mengurangkan kesannya ke atas ekonomi terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit. Penyelidikan ini juga menyumbang kepada literatur sedia ada berkenaan kos barangan dijual dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta memberikan pandangan mengenai teknik ramalan untuk kos barangan dijual.

2.0 Kepentingan Topik Penyelidikan

Secara keseluruhan, penyelidikan ini penting kerana ia menangani jurang penyelidikan dalam literatur semasa dan memberikan pandangan mengenai kesan wabak ke atas ekonomi negeri Pahang secara amnya dan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit di negeri Pahang, khususnya.

3.0 Objektif Dan Persoalan Kajian

3.1 Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk:

- i. Menentukan sama ada penutupan sektor ekonomi akibat wabak COVID-19 memberi kesan kepada kos barangan dijual dalam tiga (3) aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan perdagangan runcit.
- ii. Meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan dalam aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit.
- iii. Mengkaji corak trend bagi margin keuntungan kasar dalam aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan perdagangan runcit dari tahun 2019 hingga 2023.

3.2 Soalan kajian ialah:

- i. Adakah kos barangan dijual dalam aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan perdagangan runcit terjejas disebabkan oleh penutupan sektor ekonomi akibat pandemik COVID-19?
- ii. Apakah keputusan yang diperolehi daripada ramalan corak trend bagi aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit?
- iii. Apakah trend margin keuntungan kasar yang dihasilkan daripada aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit dari 2019 hingga 2023?



4.0 Skop Dan Liputan

Kajian ini mempunyai fokus yang terhad untuk menganalisis kos barangan dijual khususnya bagi Subsektor perdagangan borong dan runcit dalam negeri Pahang. Populasi sasaran kajian merangkumi semua pertubuhan di Pahang dan penyelidik menggunakan data daripada Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan bermula dari Januari 2019 hingga Februari 2023. Walau bagaimanapun, faktor lain yang berpotensi mempengaruhi kos barangan dijual, seperti gangguan rantai bekalan dan peralihan permintaan pengguna, tidak diambil kira dalam kajian ini. Data bagi tujuan Objektif 1 dianalisis menggunakan Ujian Wilcoxon Signed-rank.

5.0 Kajian Literatur

5.1 Kajian terdahulu mengenai kos barangan dijual dalam sektor borong dan runcit

Kos barangan dijual ialah metrik kewangan kritikal yang mewakili jumlah kos untuk menghasilkan atau memperoleh barangan yang dijual oleh pertubuhan perniagaan. Kos barangan dijual ialah item perbelanjaan penting pada penyata pendapatan kerana ia mempunyai kesan langsung ke atas margin keuntungan kasar, yang merupakan ukuran kewangan utama yang menunjukkan keuntungan syarikat. Beberapa penyelidik telah mengkaji faktor yang mempengaruhi kos barangan dijual dalam sektor atau subsektor berbeza. Dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kos barangan dijual boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti kos bahan mentah, kos buruh, kos pengangkutan dan gangguan rantai bekalan. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kos barangan dijual berbeza di setiap sektor, dengan sesetengah sektor mempunyai kos barangan dijual yang lebih tinggi daripada yang lain.

Menurut laporan Biro Banci Amerika Syarikat (A.S) (2018), Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan merekodkan purata kos barangan dijual masing-masing sebanyak 63.7 peratus dan 43.8 peratus daripada jumlah hasil sektor tersebut. Faktor utama yang mempengaruhi kos barangan dijual dalam aktiviti borong ialah kos pembelian produk daripada pengilang atau pembekal lain. Menurut laporan oleh Pentadbiran Perniagaan Kecil A.S. (2017), faktor utama yang mempengaruhi kos barangan dijual dalam aktiviti borong ialah harga pembelian barangan daripada pembekal. Faktor lain yang boleh mempengaruhi kos barangan dijual dalam aktiviti borong termasuk kos pengangkutan dan penyimpanan. Manakala dalam aktiviti runcit, kos inventori merupakan faktor utama dalam kos barangan dijual. Ini termasuk kos pembelian produk daripada pembekal serta kos penyimpanan dan pengangkutan produk tersebut.

5.2 Kesan pandemik terhadap subsektor perdagangan borong dan runcit

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara kepada ekonomi global, termasuklah subsektor perdagangan borong dan runcit. Antara kesan wabak tersebut adalah gangguan rantai bekalan, kekurangan buruh dan peningkatan kos pengangkutan. Banyak kajian telah mengkaji kesan wabak itu ke atas pelbagai sektor, termasuk sektor borong dan runcit. (Loayza et al., 2012) mendapati bahawa bencana mempunyai kesan yang berbeza terhadap setiap sektor ekonomi. Penutupan kilang, perniagaan dan kedai telah memberi kesan yang besar kepada Sektor Pembuatan, perdagangan borong dan runcit, pelancongan dan lain-lain yang bergantung pada kedai fizikal. Sekatan secara sukarela dan paksa terhadap pergerakan rakyat juga telah

mengurangkan perbelanjaan pengguna.

5.3 Analisis Ujian Wilcoxon Signed-rank untuk perbandingan kos barangan dijual sebelum dan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik COVID-19

Paired Sample T-Test ialah analisis untuk membandingkan min antara dua kumpulan berkaitan pada pembolehubah bersandar berterusan yang sama. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan keputusan yang tepat, beberapa syarat perlu dipenuhi sebelum menjalankan analisis ini. Sekiranya data gagal memenuhi kriteria asas taburan normal, ujian statistik parametrik mungkin tidak sesuai (Milenovic, 2011). Untuk mengatasi isu dimana analisis ini tidak memenuhi syarat ujian ini, Wilcoxon Signed-rank adalah alternatif bukan parametrik kepada *Paired-Samples t-test* boleh digunakan dalam kajian ini.

5.4 Teknik ramalan untuk kos barangan dijual

Analisis siri masa ialah teknik yang digunakan secara meluas untuk menyemak data sejarah dan mengenal pasti corak dan trend dalam kos barangan dijual dari semasa ke semasa. Seterusnya ramalan dibuat berdasarkan trend dan corak sejarah yang telah ditetapkan. (Lee et al., 2019) menggunakan analisis siri masa untuk meramalkan kos barangan dijual bagi perniagaan kecil. Penyelidik telah membangunkan model siri masa menggunakan data sejarah dari lima tahun sebelumnya untuk meramalkan kos barangan dijual untuk tahun akan datang. Kajian tersebut menunjukkan model siri masa ialah alat ramalan yang boleh dipercayai untuk kos barangan dijual. *Autoregressive Integrated Moving Average* (Arima) ialah teknik yang biasa digunakan untuk meramalkan data siri masa seperti kos barangan dijual.

6.0 Metodologi Kajian

6.1 Pengumpulan data, pemilihan sampel dan pembolehubah yang digunakan dalam kajian

Kajian ini menggunakan data daripada Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan dari Januari 2019 hingga Februari 2023 untuk menganalisis corak trend kos barangan dijual dalam aktiviti perdagangan borong, runcit dan kenderaan bermotor. Bagi menganalisis kesan penutupan sektor ekonomi ketika pandemik COVID-19 kepada aktiviti-aktiviti ini, kajian ini menggunakan data **Januari 2019 sehingga Februari 2020 untuk diklasifikasikan sebagai sebelum dan Mac sehingga April 2020 (PKP 1.0), Jun sehingga Julai 2021 (PKP 3.0) diklasifikasikan sebagai semasa pelaksanaan penutupan sektor ekonomi.** Berdasarkan Klasifikasi Perindustrian Standard Malaysia versi 2008 (MSIC 2008), sistem pengelasan terdiri daripada pelbagai peringkat kelas iaitu antara dua hingga lima digit. Kategori pada peringkat teratas dinamakan "seksyen", dimana setiap satunya dilambangkan dengan abjad. Pada peringkat seterusnya, MSIC 2008 membahagikan aktiviti ekonomi kepada kategori yang lebih terperinci terdiri daripada "bahagian" (dua digit), "kumpulan" (tiga digit), "kelas" (empat digit) dan "perkara" (lima digit). Kajian ini menggunakan dua daripada lima digit pengelasan yang terdapat dalam MSIC iaitu:

- i. **Bahagian 45 (Kenderaan bermotor):** Jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motosikal, sama ada baharu atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan



aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal termasuk mencuci, mengilap serta agen komisen.

ii. **Bahagian 46 (Perdagangan borong):** Penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baharu dan barang yang telah digunakan kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau menjual dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan.

iii. **Bahagian 47 (Runcit):** Penjualan semula (jualan tanpa pengubahsuaian) barang baharu dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan peribadi atau isi rumah.

Sebanyak 137 pertubuhan daripada aktiviti kenderaan bermotor, borong dan runcit di Pahang yang terlibat dengan Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan dari 2019 hingga 2023 telah dipilih dalam kajian ini. Data tersebut diambil daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, yang menyediakan maklumat mengenai kos barangan dijual dalam pelbagai subsektor.

6.2 Analisis statistik digunakan adalah ujian Wilcoxon Signed-ranked dan Ramalan Arima

Kajian ini menggunakan analisis Wilcoxon Signed-ranked untuk membandingkan kos barangan dijual bagi subsektor perdagangan borong dan runcit sebelum dan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik (ketika PKP Fasa 1 dan PKP Fasa 3) akibat COVID-19. Ujian Wilcoxon Signed-ranked ialah kaedah statistik bukan parametrik yang digunakan untuk membandingkan dua kumpulan data dengan taburan tidak normal.

Untuk meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kajian menggunakan model Arima yang telah dikenalpasti berkesan dalam meramal corak trend data siri masa, kemusiman dan penyelewengan. Ini menjadikan model Arima sebagai kaedah yang bermanfaat untuk meramal kos barangan dijual dalam pelbagai industri.

Metodologi kajian termasuk analisis perbandingan dan statistik untuk menentukan kesan pelaksanaan PKP akibat wabak COVID-19 terhadap kos barangan dijual dalam subsektor perdagangan borong dan runcit di Pahang. Penggunaan ujian statistik dan teknik ramalan meningkatkan kebolehpercayaan dan ketepatan keputusan kajian.

7.0 Dapatan Kajian

7.1 Pengenalpastian subsektor yang terjejas oleh pandemik


Analisis Wilcoxon Signed-ranked digunakan untuk membandingkan kos barangan dijual oleh pertubuhan subsektor perdagangan borong dan runcit sebelum dan semasa penutupan sektor ekonomi. Ujian Wilcoxon Signed-ranked ialah ujian alternatif bukan parametrik kepada *Paired Sample T-Test*. Ujian Wilcoxon Signed-ranked dapat menentukan sama ada dua sampel berkemungkinan datang daripada populasi asas yang sama, dan ia biasanya digunakan apabila data kajian tidak memenuhi syarat-syarat untuk menggunakan analisis *Paired Sample T-Test*.

7.1.1 Ujian untuk Normaliti oleh Plot Q-Q Normal


Plot Q-Q Normal digunakan sebagai alat untuk menilai kenormalan. Apabila data diklasifikasi sebagai normal, titik data akan berada hampir dengan garis diagonal. Walau bagaimanapun, jika titik data jauh daripada garisan diagonal dan mempunyai corak bukan linear yang ketara, ia menunjukkan taburan data tersebut adalah tidak normal.

Berdasarkan pemerhatian pada Carta 2(a), 2(b) dan 2(c), titik data adalah jauh dari garis diagonal (garis normal) dan tidak menunjukkan sebarang corak linear. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa taburan data tersebut adalah tidak normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Wilcoxon Signed-ranked Test*) untuk melakukan analisis bagi Objektif 1.


Carta 2(a): Plot Q-Q aktiviti kenderaan bermotor (0=sebelum dan 1=semasa)



Carta 2(b): Plot Q-Q aktiviti perdagangan borong (0=sebelum dan 1=semasa)



Carta 2(c): Plot Q-Q aktiviti runcit (0=sebelum dan 1=semasa)





7.1.2 Analisis Wilcoxon Signed-ranked

Jadual Kedudukan (*Ranks*) menyediakan beberapa data yang menarik tentang perbandingan kos barangan yang dijual oleh pertubuhan sebelum (Pra) dan semasa (Pos) perintah penutupan sektor ekonomi akibat pandemik. Berdasarkan Jadual 2(a) untuk aktiviti kenderaan bermotor, sebanyak 14 pertubuhan mempunyai kos barangan dijual yang tinggi ketika sebelum berbanding dengan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik dan hanya 2 pertubuhan yang mempunyai kos barangan dijual yang tinggi semasa penutupan sektor ekonomi tersebut. Manakala bagi aktiviti Perdagangan borong, sebanyak 45 pertubuhan mempunyai kos barangan dijual yang tinggi ketika sebelum berbanding dengan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik dan hanya 16 pertubuhan yang mempunyai kos barangan dijual yang tinggi semasa penutupan sektor ekonomi tersebut.

Bagi aktiviti runcit pula, sebanyak 33 pertubuhan mempunyai kos barangan dijual yang tinggi ketika sebelum berbanding dengan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik dan 27 pertubuhan yang mempunyai kos barangan dijual yang tinggi semasa penutupan sektor ekonomi tersebut. Justeru, dapat disimpulkan bahawa 87.5 peratus pertubuhan daripada aktiviti kenderaan bermotor dan 73.8 peratus pertubuhan daripada aktiviti perdagangan borong ini terkesan akibat penutupan sektor ekonomi. Manakala aktiviti runcit yang menunjukkan dengan peratusan yang paling sedikit berbanding aktiviti lain iaitu sebanyak 55 peratus pula berkemungkinan tidak terjejas oleh pelaksanaan penutupan sektor ekonomi.

Jadual 2(a): Min kos barangan dijual mengikut aktiviti


Aktiviti	Bilangan pertubuhan	Ranks	N	Min (Mean Rank)	Jumlah
Kenderaan bermotor Perdagangan borong	16	Negatif	14	9.21	129.00
		Positif	2	3.50	7.00
Perdagangan borong	61	Negatif	45	28.96	1,303.00
		Positif	16	36.75	588.00
Runcit	60	Negatif	33	30.06	992.00
		Positif	27	31.04	838.00

Berdasarkan Jadual 2(b), SPSS melaporkan nilai p adalah 0.002 dan 0.010 untuk aktiviti kenderaan bermotor dan perdagangan borong. Ini biasanya dianggap sebagai keputusan yang ketara kerana nilai p adalah kurang daripada tahap alfa piawai (0.05). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada kos barangan dijual dari aktiviti kenderaan bermotor dan perdagangan borong antara sebelum dan semasa penutupan sektor ekonomi akibat pandemik COVID-19. Pada masa yang sama, SPSS melaporkan nilai p untuk aktiviti runcit adalah 0.571 iaitu lebih daripada $\alpha=0.05$. Oleh itu, kesimpulannya tiada perbezaan yang signifikan antara kos barangan dijual dari aktiviti runcit dan penutupan sektor ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Jadual 2(b): Ujian statistik oleh SPSS

COGS	Kenderaan bermotor	Perdagangan borong	Runcit
Nilai - Z	-3.154	-2.568	-0.567
Nilai Sig. (p)	0.002	0.010	0.571

Carta 2(d): Corak trend bagi setiap subsektor, Januari 2019 - Februari 2023






Jadual 2(c): Perbezaan kos barangan dijual di antara sebelum dan semasa pandemik (RM Juta)

Aktiviti	Januari 2020 (Sebelum)	Mac 2020 (Semasa)	Perbezaan Sebelum dan Selepas PKP	Mei 2021 (Sebelum)	Julai 2021 (Semasa)	Perbezaan sebelum dan selepas tempoh berkurung
Kenderaan bermotor	30.04	18.35	11.69	33.87	1.96	31.91
Perdagangan borong	219.77	187.73	32.04	220.37	204.43	15.94
Runcit	73.96	70.70	3.26	74.17	86.97	12.8

Berdasarkan pada Carta 2(d), garisan aktiviti runcit adalah rata dan konsisten dari semasa ke semasa. Ini menyokong dapatan kajian pada jadual 2(a) dan 2(b) bahawa terdapat sedikit perubahan dalam kos barangan dijual untuk aktiviti ini sebelum dan semasa pelaksanaan PKP akibat wabak COVID-19. Jadual 2(c) juga menyokong pemerhatian ini apabila jadual menunjukkan aktiviti runcit mempunyai perbezaan terkecil antara kos barangan dijual sebelum dan semasa PKP. Secara khusus, terdapat hanya RM3.26 juta perbezaan kos barang dijual sebelum dan semasa PKP manakala RM12.8 juta perbezaan sebelum dan semasa tempoh berkurung. Ini menunjukkan pandemik COVID-19 mempunyai kesan yang lebih kecil terhadap aktiviti runcit berbanding aktiviti lain.

7.2 Corak trend ramalan untuk kos barangan dijual dalam borong dan runcit

Model Arima dan Eksponen digunakan untuk meramalkan kos barangan dijual dan model yang menunjukkan corak aliran yang serupa dengan data sebenar akan dipilih untuk menganggarkan atau meramal kos barangan dijual bagi masa hadapan.

**Carta 2(e): Corak trend bagi kenderaan bermotor****Carta 2(f): Corak trend bagi perdagangan borong****Carta 2(g): Corak trend bagi runcit**

Carta 2(e), 2(f) dan 2(g) di atas menunjukkan ramalan Eksponen dan Arima untuk kos barangan dijual dari Januari 2019 hingga Februari 2023. Berdasarkan pemerhatian, kaedah ramalan Arima menunjukkan corak yang hampir sama dengan data sebenar berbanding kaedah ramalan eksponen. Walau bagaimanapun, untuk mengesahkan penemuan ini, ralat purata kuasa dua boleh dikira.

Jadual 2(d) membentangkan hasil Ralat Punca Min Kuasa Dua (RMSE), yang merupakan kaedah signifikan untuk membandingkan dan mengenalpasti prestasi model ramalan yang berbeza dari semasa ke semasa. Menurut Hyndman et. al. (2006), RMSE ialah ukuran yang digunakan secara meluas untuk menilai ketepatan model ramalan, dan ia sering dilaporkan bersama-sama dengan metrik lain seperti min ralat mutlak (MAE) dan min ralat peratusan mutlak (MAPE). Nilai RMSE yang lebih rendah menunjukkan ketepatan model ramalan yang lebih baik. Berdasarkan jadual di bawah, kaedah Arima adalah pendekatan terbaik untuk meramal kos barangan dijual, kerana ia mempunyai nilai RMSE yang lebih rendah daripada kaedah Eksponen, iaitu 11.45. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah Arima untuk meramal kos barangan dijual.

Jadual 2(d): Ralat Punca Min Kuasa Dua

Aktiviti	Exponen	Arima
Kenderaan bermotor	22.42	10.60
Perdagangan borong	15.94	15.77
Runcit	7.68	7.99
Purata	15.35	11.45


7.2.1 Ramalan Arima


Carta 2(h), 2(i) dan 2(j) menggambarkan ramalan corak trend kos barangan dijual untuk semua aktiviti. Data menunjukkan bahawa kos barangan dijual bagi aktiviti ini diunjurkan meningkat pada masa hadapan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding sebelumnya.

Carta 2(h): Arima bagi kenderaan bermotor



Carta 2(i): Arima bagi perdagangan borong




**Carta 2(j): Arima bagi perdagangan runcit**

7.2.2 Trend margin keuntungan kasar

Berdasarkan Carta 2(k) menunjukkan penurunan ketara dalam margin keuntungan kasar bagi aktiviti kenderaan bermotor pada Mei 2019 dan Julai 2021 iaitu mencapai nilai negatif. Ini menggambarkan kos barangan yang dijual melebihi hasil yang dijana daripada jualan dan merupakan indikator yang membimbangkan bagi perniagaan. Nilai margin keuntungan kasar yang negatif menerangkan bahawa sesebuah pertubuhan perniagaan itu tidak dapat menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos langsung yang berkaitan dengan pengeluaran dan penjualan produk atau perkhidmatan mereka. Penurunan margin keuntungan kasar boleh dikaitkan dengan pelaksanaan PKP yang melibatkan pelbagai sekatan sosial dan ekonomi yang dikenakan oleh Kerajaan akibat pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, jualan kenderaan bermotor di Malaysia mengalami peningkatan pada Februari 2023 berbanding bulan dan tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti pertubuhan memenuhi pesanan pelanggan yang tertunggak daripada sebelum pandemik, peningkatan pesanan sepanjang tempoh pengecualian cukai, dan menjalankan kempen promosi semasa musim perayaan. Selain itu, terdapat pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2023. Ini mendorong pertubuhan tersebut menyelesaikan penghantaran pesanan dengan kadar segera (Persatuan Automotif Malaysia, 2023). Faktor-faktor ini boleh menyumbang kepada peningkatan kos barang yang dijual dan penurunan dalam margin keuntungan kasar.

Carta 2(k): Trend margin keuntungan kasar bagi kenderaan bermotor


Merujuk Carta 2(l), margin keuntungan kasar bagi aktiviti perdagangan borong dilihat menurun bermula Mac 2020 akibat kesan daripada pelaksanaan PKP. Walau bagaimanapun, terdapat kenaikan pada Mei 2020, tetapi tidak bertahan lama kerana margin mulai menurun semula pada Julai 2020. Pada Februari 2022, margin keuntungan kasar terus menurun disebabkan peningkatan dalam kos barang yang dijual. Ini boleh dikaitkan dengan peningkatan kos bahan mentah dan logistik, khususnya kos pengangkutan dan gudang yang meningkat sehingga 30 peratus (Persekutuan Pengilang Malaysia, 2023).

Berdasarkan Carta 2(m), margin keuntungan kasar bagi aktiviti runcit mengalami perkembangan positif yang ketara pada Januari 2020, namun diikuti dengan penurunan mendadak pada Mac 2020. Ini mungkin disebabkan oleh lonjakan jumlah jualan dalam tempoh tersebut yang menjana hasil dan margin keuntungan kasar yang lebih tinggi. Dari Mac 2021 hingga Januari 2023, margin keuntungan kasar dilihat mendatar. Ini menggambarkan bahawa aktiviti runcit dapat mengekalkan tahap keuntungan yang konsisten sepanjang tempoh ini. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mempertimbangkan faktor luaran seperti perubahan tingkah laku pengguna, persaingan dan keadaan ekonomi yang boleh memberikan kesan kepada keuntungan aktiviti runcit pada masa hadapan.

Carta 2(l): Trend margin keuntungan kasar bagi perdagangan borong



Carta 2(m): Trend margin keuntungan kasar bagi perdagangan runcit



8.0 Perbincangan Hasil Dapatkan Kajian

8.1 Implikasi dapatan kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kesan wabak terhadap kos barangan dijual dan meramalkan kos barangan dijual pada masa depan bagi subsektor perdagangan borong dan runcit di Pahang. Kajian itu menggunakan pendekatan analisis perbandingan dan menjalankan ujian statistik ke atas data yang dikumpul daripada Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan antara 2019 dan 2022.

Keputusan analisis Ujian Wilcoxon Signed-ranked menunjukkan bahawa pelaksanaan PKP untuk membendung wabak COVID-19 memberi kesan yang ketara ke atas kos barangan dijual bagi



pertubuhan perniagaan dalam aktiviti kenderaan bermotor dan perdagangan borong. Kajian ini mendapati bahawa semasa penutupan sektor ekonomi semasa pelaksanaan PKP 1.0 pada Mac 2020 sehingga April 2020, kos barangan dijual bagi kenderaan bermotor menurun sebanyak RM11.69 juta dan berkurang sebanyak RM31.91 juta selepas pelaksanaan PKP 3.0 (Jun 2021 – Julai 2021). Pada masa yang sama, kos barangan dijual bagi perdagangan borong juga menurun sebanyak RM32.04 juta dan RM15.94 juta. Semasa pelaksanaan PKP 1.0, kos barangan dijual bagi perdagangan runcit merosot sebanyak RM3.26 juta, tetapi ia meningkat sebanyak RM12.8 juta selepas PKP 3.0 pada Julai 2021. Penemuan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PKP akibat wabak COVID-19 memberi kesan yang lebih besar terhadap kos barangan dijual bagi aktiviti kenderaan bermotor dan perdagangan borong berbanding perdagangan runcit.

Kajian menggunakan kaedah Ramalan Arima untuk meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan bagi aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit. Keputusan analisis Arima menunjukkan bahawa kos barangan dijual untuk semua aktiviti dijangka terus meningkat pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan tersebut dijangka lebih perlahan berbanding tempoh pandemik. Ini menunjukkan bahawa walaupun pandemik COVID-19 memberi kesan yang ketara ke atas kos barangan dijual bagi perniagaan borong dan kenderaan bermotor, kesannya dijangka berkurangan pada masa hadapan.

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan pandangan penting tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap prestasi kewangan pertubuhan perniagaan di Pahang, Malaysia. Ia menekankan kepentingan kesediaan untuk menghadapi kejadian yang tidak dijangka seperti wabak dan sebagainya. Kajian ini juga menyediakan maklumat berharga bagi penggubal dasar dan pengawal selia untuk membangunkan strategi bagi menyokong kelangsungan perniagaan semasa krisis.

8.2 Batasan kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini yang perlu ditekankan. Pertama, saiz sampel 137 pertubuhan di Pahang mungkin tidak mewakili keseluruhan industri borong dan runcit di Pahang. Hal ini boleh menjejaskan kebolehgneralisasi penemuan ke atas negeri Pahang atau peringkat nasional.

Kedua, tempoh masa kajian iaitu dari 2019 hingga 2023 mungkin tidak mencukupi untuk menangkap kesan penuh pandemik COVID-19 ke atas kos barangan dijual dalam aktiviti kenderaan bermotor, borong dan perdagangan runcit.

Ketiga, pergantungan kajian terhadap data daripada Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan boleh dihadkan oleh beberapa faktor seperti kadar maklum balas (*response rate*) dan prosedur pengumpulan data, yang boleh menjejaskan kualiti dan kesempurnaan data.

Keempat, kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini, termasuk ujian Wilcoxon Signed-ranked mungkin tidak memberikan julat penuh cerapan yang boleh diperoleh melalui kaedah statistik lain, seperti analisis regresi. Penting untuk menekankan batasan ini semasa mentafsir keputusan kajian kerana ia boleh memberi kesan kepada kebolehpercayaan dan kebolehgneralisasi penemuan.

8.3 Cadangan untuk penyelidikan masa hadapan

Kajian ini telah memberikan pandangan signifikan tentang kesan pelaksanaan PKP akibat pandemik COVID-19 terhadap kos barangan yang dijual untuk perniagaan borong dan runcit di Pahang, Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kaedah untuk menambahbaik penyelidikan masa hadapan dalam bidang ini.

Pertama, kajian berskala besar dengan perwakilan sampel pertubuhan borong dan runcit yang lebih menyeluruh di seluruh Malaysia boleh memberikan hasil yang lebih tepat. Selain itu, analisis yang lebih terperinci tentang kesan wabak ke atas negeri dan aktiviti berbeza dalam subsektor perdagangan borong dan runcit dapat dihasilkan.

Kedua, memanjangkan tempoh masa kajian untuk peroleh dan mengkaji kesan berterusan pandemik COVID-19. Hal ini boleh memberikan pemahaman yang lebih lengkap tentang kesan jangka panjang ke atas kos barangan yang dijual. Tempoh masa yang lebih panjang sehingga lima tahun boleh dianalisis untuk menangkap impak penuh wabak itu terhadap subsektor ini.

Ketiga, penyelidik masa hadapan boleh menjalankan analisis yang lebih terperinci dengan menggunakan kod MSIC 3 digit untuk menentukan sektor yang benar-benar terjejas dan tidak terjejas akibat wabak ini.

Keempat, meneroka faktor lain seperti gangguan rantai bekalan, perubahan dalam tingkah laku pengguna, dan dasar kerajaan boleh memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang kesan wabak ke atas subsektor perdagangan borong dan runcit.

Kelima, kaedah statistik lain seperti analisis regresi boleh digunakan untuk memberikan pandangan yang lebih terperinci tentang hubungan antara pembolehubah.

Akhir sekali, menjalankan penyelidikan kualitatif seperti temu bual atau kumpulan fokus dengan perniagaan borong dan runcit boleh memberikan nilai tambah tentang cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pertubuhan perniagaan sepanjang pandemik. Dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif, gambaran yang lebih lengkap tentang kesan pandemik terhadap subsektor perdagangan borong dan runcit dapat diperolehi.

9.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan pelaksanaan PKP akibat pandemik COVID-19 terhadap kos barangan dijual bagi subsektor perdagangan borong dan runcit di Pahang, Malaysia. Objektif pertama adalah menggunakan ujian Wilcoxon Signed-ranked untuk menentukan sama ada pandemik memberi kesan kepada kos barangan dijual dalam semua aktiviti. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam kos barangan dijual antara kenderaan bermotor dan perdagangan borong pada sebelum dan semasa penutupan sektor ekonomi akibat Pandemik COVID-19, tetapi tiada perbezaan antara perdagangan runcit. Hasil dapatan ini menunjukkan aktiviti kenderaan bermotor dan perdagangan borong terkesan disebabkan wabak tersebut manakala subsektor perdagangan runcit tidak terjejas. Dapatan ini disokong oleh Lu et al. (2021), yang mendapati bahawa industri borong dan runcit kedua-duanya



terjejas oleh wabak COVID-19, dengan perusahaan runcit tradisional perlu menyegerakan kehadiran dalam talian mereka.

Perdagangan runcit, tidak termasuk kenderaan bermotor dan motosikal, terus menjalankan operasi jualan seperti penjualan makanan dan minuman ketika pandemik berlaku kerana ini adalah keperluan asas manusia. Walaupun kerajaan membenarkan ketua keluarga untuk keluar membeli keperluan asas semasa kemuncak wabak COVID-19 (Zanariah, 2020), terdapat isi rumah yang memilih untuk membeli keperluan mereka secara dalam talian dan menggunakan servis penghantaran bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Mulai Mac 2022, kerajaan Pahang mengisytiharkan premis komersial di daerah positif COVID-19 yang terpilih dibenarkan beroperasi sehingga jam 7 malam. Perniagaan terpilih seperti kedai serbaneka 24 jam, restoran dan stesen minyak dibenarkan untuk terus beroperasi (Chie, 2020). Oleh itu, jualan di kawasan ini berterusan walaupun semasa wabak.

Objektif kedua kajian ini adalah menggunakan Peramalan Kaedah Arima untuk meramalkan corak trend kos barangan dijual pada masa hadapan dalam aktiviti kenderaan bermotor, perdagangan borong dan runcit. Kajian mendapati kos barangan dijual untuk semua subsektor dalam kajian ini berkemungkinan akan terus meningkat pada masa hadapan, tetapi pada kadar yang lebih rendah berbanding tempoh pandemik. Secara keseluruhan, hasil kajian ini dapat memaklumkan dan mengingatkan peniaga untuk bersedia menghadapi keadaan yang tidak dijangka seperti wabak. Pertubuhan perniagaan mungkin perlu menilai semula rantai bekalan, strategi harga dan keseluruhan operasi perniagaan untuk meminimumkan kesan peristiwa tidak dijangka pada prestasi kewangan syarikat. Kajian itu juga memberikan pandangan penting tentang prestasi kewangan perniagaan semasa wabak, yang mungkin berguna untuk penggubal dasar, pelabur dan pihak berkepentingan lain dalam membuat keputusan termaklum tentang ekonomi.



Rujukan

- Abdul Rahim, R., & Ismail, Z. (2021). *The impact of COVID-19 on the food industry in Malaysia: A systematic review*. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(21), 76-84.
- Al-Maamari, A. R., & Yahya, S. (2021). *COVID-19 impact on the Malaysian economy: An empirical analysis*. *Journal of Islamic Finance*, 10(2), 54-66.
- Box, G. E. P., & Jenkins, G. M. (1976). *Time series analysis: Forecasting and control*. Holden-Day.
- Box, G. E. P., Jenkins, G. M., & Reinsel, G. C. (2015). *Time series analysis: forecasting and control*. Wiley.
- Chong, Y. L., Goh, B. K., & Kow, R. K. (2020). *The impact of COVID-19 on Malaysia's retail sector*. *International Journal of Business and Society*, 21(3), 1037-1049.
- Chie, K. G. (2020, March 21). Waktu operasi premis jual barang keperluan diputuskan k'jaan negeri. *MalaysiaKini*.
- Hassan, N. A. A., Harun, H., & Isa, A. H. M. (2021). *The impact of COVID-19 on small and medium enterprises (SMEs) in Malaysia*. *Journal of Asian Finance, Economics, and Business*, 8(7), 157-164.
- Hyndman, R.J., & Koehler, A.B. (2006). Another look at measures of forecast accuracy. *International Journal of Forecasting*, 22(4), 679-688. doi: 10.1016/j.ijforecast.2006.03.001
- Lee, H., Kim, M., & Koo, C. (2019). *Forecasting the cost of goods sold for a small business using time-series analysis*. *Journal of Small Business Management*, 57(2), 347-361. <https://doi.org/10.1111/jsbm.12348>
- Lim, T. W., Tan, S. S., & Yusop, Z. (2021). *The impact of COVID-19 on the Malaysian economy: A multi-sectoral analysis*. *Journal of Economics, Business, and Management*, 9(5), 299-306.
- Lim, C. H., Leong, C. H., & Lim, L. H. (2020). *The impact of COVID-19 on the retail industry in Malaysia*. *Journal of Contemporary Issues and Thought*, 10(1), 61-70.
- Lim, S. H., Ooi, K. B., & Tan, G. W. H. (2021). *COVID-19 and the Malaysian retail industry: An analysis of consumer behavior*. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 59, 102383.
- Lu, L., Peng, J., Wu, J., & Lu, Y. (2021). *Perceived impact of the Covid-19 crisis on SMEs in different industry sectors: Evidence from Sichuan, China*. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 55, 102085.
- Loayza, N. V., Olaberria, E., Rigolini, J., & Christiaensen, L. (2012). *Natural disasters and growth: Going beyond the averages*. *World Development*, 40(7), 1317-1336.
- Mahat, F., Sufian, F., & Kassim, S. H. (2021). *The impact of COVID-19 on the performance of retail firms in Malaysia*. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 60, 102424.



- Mohamad, N. H., Hashim, N. H., & Rashid, N. A. (2021). *The impact of COVID-19 on small and medium-sized enterprises in the retail sector: Evidence from Malaysia*. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 28(2), 196-215.
- Moheb-Alizadeh, H., & Handfield, R. (2018). *The impact of raw materials price volatility on cost of goods sold (COGS) for product manufacturing*. *IEEE Transactions on Engineering Management*, 65(3), 460-473.
- Mohd Zin, N. N., Ramli, M. A., & Aman, M. H. (2020). *Impact of COVID-19 on retail industry in Malaysia: A preliminary study*. *Journal of Technology Management and Business*, 7(1), 32-40.
- Milenović, Ž. (2011). *Application of Mann-Whitney U test in research of professional training of primary school teachers*. *Metodički obzori: časopis za odgojno-obrazovnu teoriju i praksu*, 6 (11), 73-79.
- National Retail Federation. (2019). *Understanding Retail Inventory*. <https://nrf.com/resources/understanding-retail-inventory>
- Robert Wall Emerson (2023), *Mann-Whitney U test and t-test* *Journal of Visual Impairment & Blindness* 2023 117:1, 99-100
- Salleh, S. F., Razak, A. A., & Abu Bakar, A. R. (2021). *The impact of COVID-19 pandemic on the financial performance of Malaysian companies*. *Journal of Accounting, Finance and Economics*, 11(1), 1-11.
- Sohail, M. S., Rizwan, M., & Ahmad, W. (2020). *The impact of COVID-19 on Malaysian manufacturing sector*. *Asian Journal of Multidisciplinary Studies*, 3(5), 44-49.
- U.S. Small Business Administration. (2017). *Understanding Cost of Goods Sold in Wholesale and Retail*. <https://www.sba.gov/sites/default/files/files/rs402tot.pdf>
- Wong, C. M., Tan, L. H., & Chong, Y. Y. (2021). *Impact of COVID-19 on the Malaysian tourism industry*. *Journal of Asian Tourism Research*, 2(1), 1-12.
- Zanariah, M., & Azizah, N. (2020, March 21). 1 wakil keluarga saja dibenarkan keluar rumah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667519/1-wakil-keluarga-saja-dibenarkan-keluar-rumah>

BAB 3

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

GAJI & UPAH

STATISTIK SISWAZAH

PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN PENGGUNAAN
ISI RUMAH





Bab 03 | DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Pahang bertambah daripada 1.60 juta pada tahun 2021 kepada 1.61 juta pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.8 peratus (Jadual 3.1). Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2022 adalah 95.4 peratus daripada keseluruhan penduduk Pahang.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Pahang, 2021-2022

Penduduk	2021	2022	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	1,601.5	1,614.3	0.8

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua di Pahang mencatatkan peningkatan dari tahun 2021 hingga 2022. Pada tahun 2022, peratusan umur muda menurun kepada 25.5 peratus (2021: 26.1%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua masing-masing meningkat kepada 67.9 peratus (2021: 67.4%) dan 6.6 peratus (2021: 6.5%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Pahang, 2021-2022

Kumpulan umur (%)	2021	2022
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	26.1	25.5
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	67.4	67.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.5	6.6

1.61 juta
Penduduk
Pahang,
2022

Warganegara
95.4% (2022)
95.4% (2021)

Bukan Warganegara
4.6% (2022)
4.6% (2021)



37.5

Nisbah tanggungan
umur muda,
2022

Nisbah Jantina

♂ : ♀
112 : 100
Lelaki : Perempuan

9.8

Nisbah tanggungan
umur tua,
2022

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Pahang kekal dari 2021 hingga 2022 iaitu 112 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Pahang menunjukkan penurunan bagi tempoh 2021 hingga 2022. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 9.6 pada tahun 2021 kepada 9.8 pada tahun 2022. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 37.5 pada tahun 2022 berbanding 38.8 pada tahun 2021.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Pahang, 2021-2022

Nisbah tanggungan	2021	2022
Umur muda	38.8	37.5
Umur tua	9.6	9.8
Jumlah	48.4	47.3

Kumpulan etnik warganegara


Pada tahun 2022, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 81.5 peratus (2021: 81.3%). Cina pula menunjukkan penurunan kepada 14.3 peratus (2021: 14.5%) manakala peratusan penduduk India dan etnik Lain masing-masing kekal pada 3.6 peratus dan 0.6 peratus daripada keseluruhan warganegara di Pahang.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Pahang, 2021-2022


Kumpulan etnik warganegara Pahang (%)	2021	2022
Bumiputera	81.3	81.5
Cina	14.5	14.3
India	3.6	3.6
Etnik Lain	0.6	0.6

Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Kuantan merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2021 berbanding 10 daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk sebanyak 554.6 ribu pada tahun 2021 diikuti daerah Temerloh (169.4 ribu) dan Pekan (122.6 ribu). Daerah Kuantan mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2021 iaitu masing-masing mencatatkan 288.9 ribu dan 265.7 ribu.


Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2021


554.6 ribu
Kuantan mencatatkan
bilangan penduduk
tertinggi, 2021


Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Pahang, 2021 ('000)


38.5 ribu
Cameron Highlands
mencatatkan bilangan
penduduk terendah,
2021

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

KELAHIRAN HIDUP

15.3

Kadar kelahiran kasar
bagi setiap 1,000
penduduk, 2021



17.8

Bumiputera
Kadar kelahiran kasar
tertinggi bagi setiap
1,000 penduduk, 2021

Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di Pahang merekodkan penurunan daripada 15.9 pada 2020 kepada 15.3 pada 2021 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada 2021 turut menunjukkan penurunan berbanding 2020 iaitu masing-masing daripada 15.4 kepada 14.9 dan 16.5 kepada 15.8 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Pahang, 2011-2021



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2021 iaitu 17.8 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Cina merekodkan kadar terendah iaitu 6.1 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi etnik India dan etnik Lain pada tahun 2021 masing-masing adalah 8.5 dan 6.9 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Pahang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	20.3	19.9	19.7	19.3	18.2	18.4	17.8
Cina	9.1	8.8	8.0	7.2	7.3	6.8	6.1
India	10.3	10.0	9.4	8.5	8.0	9.9	8.5
Etnik Lain ¹	7.8	6.5	6.3	5.4	5.4	7.7	6.9

¹Termasuk bukan warganegara




Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Kuantan merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 8,428 kelahiran, manakala yang terendah direkodkan di Cameron Highlands iaitu 528 kelahiran. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula direkodkan di Pekan dengan 18.8 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala yang terendah direkodkan di Bentong iaitu 9.8 kelahiran.

8,428
Kuantan
merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2021

Paparan 3.2 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2021 (kadar bagi setiap 1,000 penduduk)



18.8
Pekan
merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2021

KESUBURAN

2.2 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2021




3.0 bayi
Etnik Lain

Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2021

Kadar kesuburan jumlah

Kadar kesuburan jumlah bagi Pahang pada 2021 kekal pada 2.2 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 3.3 menunjukkan kadar kesuburan jumlah bagi Pahang berada di atas paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita umur reproduktif (15-49 tahun).

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Pahang, 2011-2021



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi semua etnik merekodkan penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020. Etnik Lain merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi pada tahun 2021 iaitu 3.0 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik Cina iaitu 1.0 bayi.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Pahang, 2015-2021 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	2.7	2.6	2.6	2.5	2.3	2.5	2.4
Cina	1.4	1.3	1.2	1.0	1.0	1.1	1.0
India	1.3	1.2	1.1	1.0	0.9	1.4	1.2
Etnik Lain ¹	1.4	1.2	1.2	1.0	1.0	3.5	3.0

¹Termasuk bukan warganegara



KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian kasar

Bilangan kematian di Pahang direkodkan sebanyak 10,366 kematian pada tahun 2021, meningkat 19.3 peratus berbanding kematian pada tahun 2020 (8,686 kematian). Kadar kematian kasar adalah 6.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2020: 5.5 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Pahang, 2011-2021 (setiap 1,000 penduduk)




Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Pahang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Jumlah kematian	8,471	8,878	9,261	9,246	9,179	8,686	10,366
Kadar kematian kasar (Lelaki)	5.9	6.2	6.3	6.2	6.1	6.1	7.2
Kadar kematian kasar (Perempuan)	4.6	4.6	4.9	4.8	4.8	4.7	5.6

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2021 adalah 6.0 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat 0.2 mata berbanding 5.8 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Pahang, 2011-2021



6.5 kematian

Bagi tempoh 2011-2021, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021.

Jumlah Kematian

Lelaki
6,109 (58.9%)

Perempuan
4,257 (41.1%)

6.0 kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2021

40.6 kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin tertinggi, 2011 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup




9.1 kematian India

Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2021

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2021 menurun kepada 20.4 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 23.7 kematian pada tahun 2020.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Pahang, 2011-2021



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik India merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 9.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2021, manakala etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 2.7 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan Cina pada tahun 2021 masing-masing adalah 6.3 dan 8.4 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Pahang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)

Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	5.4	5.6	5.7	5.6	5.5	5.3	6.3
Cina	6.1	6.6	7.0	6.8	7.0	7.4	8.4
India	5.8	6.1	6.5	6.1	6.0	6.4	9.1
Etnik Lain ¹	1.7	1.5	1.6	1.7	1.9	2.1	2.7


¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

Penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi pada tahun 2021 iaitu 15.1 peratus (1,027 kematian). Ini diikuti oleh COVID-19 infection dan radang paru-paru iaitu masing-masing mencatatkan 11.8 peratus dan 11.0 peratus.



Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Pahang, 2021



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.


Penyakit jantung iskemia
Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2021

Sebab kematian utama (tidak disahkan secara perubatan)

Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan pada tahun 2021 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,716 kematian (48.0%) yang melibatkan 43.6 peratus lelaki dan 53.4 peratus perempuan. Ini diikuti oleh penyakit serebrovaskular dan kencing manis, masing-masing sebanyak 4.4 peratus dan 4.0 peratus.



Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Pahang, 2021



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Sakit tua
Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2021

Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran


Daerah Kuantan mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada tahun 2021 iaitu 2,644 kematian manakala daerah Cameron Highlands mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 214 kematian. Namun begitu, kadar kematian kasar tertinggi direkodkan di Maran iaitu 8.2 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Kuantan dan Cameron Highlands pada kadar 5.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Paparan 3.5 Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2021

8.2
Maran
mencatatkan kadar kematian kasar tertinggi, 2021



70.2 tahun
Jangkaan hayat ketika lahir **bayi lelaki** pada tahun 2022




JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2022 di Pahang dijangka hidup lebih lama sehingga 75.1 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki, dijangka hidup sehingga 70.2 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2019, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 0.5 tahun dan perempuan meningkat 0.3 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020 hingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 0.5 tahun dan perempuan menurun 0.6 tahun. Penurunan jangkaan hayat bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah disumbangkan oleh peningkatan bilangan kematian semasa pandemik COVID-19.

Paparan 3.6 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Pahang, 2017-2022



^p Permulaan
^e Anggaran


2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020



Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2022 dijangka hidup selama 55.8 tahun dan 60.7 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 70.8 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga umur 75.7 tahun.

Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Pahang, 2017-2022



^p Permulaan
^e Anggaran

2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

60.7 tahun lagi
Perempuan yang berumur 15 tahun pada 2022 dijangka hidup




Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 13.3 tahun dan 15.9 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 78.3 tahun dan perempuan sehingga 80.9 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2022, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.3 hingga 2.6 tahun.

Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Pahang, 2017-2022



^p Permulaan
^e Anggaran

2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

13.3 tahun lagi
Lelaki yang berumur 65 tahun pada 2022 dijangka hidup



TENAGA BURUH


734.4 ribu

Tenaga
buruh di
Pahang, 2022

Tenaga Buruh

Pada tahun 2022, tenaga buruh di Pahang meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding pada tahun sebelumnya (2020: -1.3%). Sejumlah 734.4 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2022 berbanding 729.4 ribu orang pada tahun 2021. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut bertambah kepada 715.9 ribu orang pada tahun 2022 daripada 705.4 ribu orang pada tahun 2021.

Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Pahang, 2010-2022



715.9 ribu

Bilangan penduduk
bekerja,
2022

Penduduk bekerja



Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Pahang dengan peratus sumbangan sebanyak 27.4 peratus pada tahun 2022. Ini diikuti oleh kategori pekerja asas dan operator mesin dan loji serta pemasang dengan peratus sumbangan 15.0 peratus dan 10.2 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 21.8 peratus daripada keseluruhan pekerja di Pahang.





Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Pahang, 2016-2022

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurus	19.4	16.6	16.6	16.3	26.3	19.5	24.0
Profesional	67.2	66.0	70.5	75.7	77.1	88.5	68.1
Juruteknik & profesional bersekutu	55.2	51.0	50.7	56.2	57.4	76.7	63.5
Pekerja sokongan perkeranian	46.0	50.4	48.5	48.5	49.5	68.1	50.8
Pekerja perkhidmatan & jualan	165.3	159.1	170.8	176.6	178.9	150.8	196.1
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	76.0	77.0	83.7	80.1	86.7	75.1	66.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	75.6	76.9	76.5	70.4	71.0	65.3	66.7
Operator mesin & loji dan pemasang	63.1	71.6	73.1	76.6	61.7	55.5	72.9
Pekerja asas	124.4	121.5	126.3	119.2	107.4	105.9	107.5
Jumlah	692.2	690.2	716.6	719.5	715.9	705.4	715.9

155.6 ribu
Bilangan pekerja mahir, 2022



Kategori pekerjaan	Komposisi (%)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurus	2.8	2.4	2.3	2.3	3.7	2.8	3.4
Profesional	9.7	9.6	9.8	10.5	10.8	12.5	9.5
Juruteknik & profesional bersekutu	8.0	7.4	7.1	7.8	8.0	10.9	8.9
Pekerja sokongan perkeranian	6.6	7.3	6.8	6.7	6.9	9.7	7.1
Pekerja perkhidmatan & jualan	23.9	23.1	23.8	24.5	25.0	21.4	27.4
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	11.0	11.2	11.7	11.1	12.1	10.6	9.3
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	10.9	11.1	10.7	9.8	9.9	9.3	9.3
Operator mesin & loji dan pemasang	9.1	10.4	10.2	10.6	8.6	7.9	10.2
Pekerja asas	18.0	17.6	17.6	16.6	15.0	15.0	15.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

27.4%
Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi, 2022

Seramai 447.8 ribu orang pekerja (62.5%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2022 dan diikuti oleh sektor Pertanian yang merangkumi 143.2 ribu orang (20.0%), Pembuatan (78.5 ribu; 11.0%) dan Pembinaan (44.1 ribu; 6.2%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 2.3 ribu orang (0.3%).

447.8 ribu
Pekerja tertumpu pada
sektor **Perkhidmatan**,
2022

2.3 ribu
Sektor **Perlombongan
dan pengkuarian**
Bilangan pekerja
terendah, 2022

64.8 %
Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Pahang, 2022

2.5 %
Kadar
pengangguran di
Pahang, 2022


Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, Pahang, 2016-2022

Sektor	Bilangan ('000)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian	151.8	146.3	159.7	149.3	149.9	134.8	143.2
Perlombongan dan pengkuarian	3.9	5.2	3.0	4.0	2.9	4.9	2.3
Pembuatan	66.5	80.2	85.4	77.9	71.8	65.7	78.5
Pembinaan	48.2	51.1	45.3	44.1	43.0	49.6	44.1
Perkhidmatan	422.0	407.6	423.1	444.2	448.4	450.5	447.8
Jumlah	692.2	690.2	716.6	719.5	715.9	705.4	715.9

Sektor	Komposisi (%)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian	21.9	21.2	22.3	20.8	20.9	19.1	20.0
Perlombongan dan pengkuarian	0.6	0.8	0.4	0.6	0.4	0.7	0.3
Pembuatan	9.6	11.6	11.9	10.8	10.0	9.3	11.0
Pembinaan	7.0	7.4	6.3	6.1	6.0	7.0	6.2
Perkhidmatan	61.0	59.1	59.0	61.7	62.6	63.9	62.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Pahang meningkat 0.4 mata peratus daripada 64.4 peratus pada tahun 2021 kepada 64.8 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, kadar pengangguran di Pahang menurun 0.8 mata peratus kepada 2.5 peratus pada tahun 2022 (2021: 3.3%).

Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, Pahang, 2010-2022





GAJI & UPAH

GAJI & UPAH MALAYSIA

Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2021 meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 3.4 peratus kepada 9.7 juta orang (2020: 2.1%; 9.4 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.1 peratus daripada RM2,062 kepada RM2,250. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut menunjukkan peningkatan daripada RM2,933 kepada RM3,037 (3.5%).

Carta 3.9 Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2020-2021



Nota:

² Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan

³ Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

RM **3,037**

Purata gaji & upah bulanan, 2021

RM **2,250**

Penengah gaji & upah bulanan, 2021

9.7 juta

Bilangan penerima gaji & upah, 2021

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Pada 2021, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki adalah RM2,315 dan pekerja perempuan RM 2,145, masing-masing meningkat sebanyak 10.6 peratus dan 6.2 peratus berbanding 2020. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki naik sebanyak 4.1 peratus kepada RM3,085. Begitu juga, purata gaji & upah bulanan bagi pekerja perempuan naik sebanyak 2.7 peratus kepada RM2,968 berbanding tahun sebelumnya.




10.6%
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan bagi
pekerja lelaki, 2021



RM 5,550
Sektor pendidikan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2021

Carta 3.10 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Pada 2021, penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam pendidikan iaitu RM5,331 diikuti aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,193. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, pendidikan turut mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,550 diikuti perlombongan dan pengkuarian (RM5,040).

Carta 3.11 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri⁴, Malaysia, 2020-2021

Industri	Penengah		Purata	
	2020	2021	2020	2021
Jumlah	2,062	2,250	2,933	3,037
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,291	1,490	1,598	1,776
Perlombongan dan Pengkuarian	3,402	3,921	5,064	5,040
Pembuatan	1,908	1,976	2,542	2,606
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	2,784	2,993	3,596	3,401
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,073	2,067	2,571	2,650
Pembinaan	1,856	1,781	2,557	2,347
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,514	1,697	2,011	2,063
Pengangkutan dan penyimpanan	2,062	2,091	2,481	2,576
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,293	1,581	1,795	1,950
Maklumat dan komunikasi	3,547	3,754	4,310	4,346
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,273	3,330	4,221	3,949
Aktiviti hartanah	3,037	3,255	3,570	3,636
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,028	3,162	3,959	3,916
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,393	1,692	1,992	2,040
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	3,761	3,929	4,146	4,313
Pendidikan	5,058	5,331	5,088	5,550
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	3,602	4,193	4,077	4,546
Kesenian, hiburan dan rekreasi	1,882	2,562	2,665	2,908
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,593	1,735	2,124	2,016


⁴ Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0



Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di kebanyakan negeri pada 2021. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM3,837; purata: RM4,504) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,054; purata: RM4,013) dan Selangor (penengah: RM2,884; purata: RM3,543).

Carta 3.12 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2020-2021



12.6%
Sarawak
Kadar pertumbuhan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2021



29.3%
Sarawak
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan tertinggi, 2021

GAJI & UPAH PAHANG

Penemuan utama gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2021 di Pahang adalah sebanyak 449.7 ribu orang iaitu menurun 0.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Penengah gaji & upah bulanan meningkat kepada RM1,917 berbanding RM1,753 dengan mencatatkan pertumbuhan pada kadar positif 9.4 peratus. Begitu juga, purata gaji & upah bulanan naik kepada 0.9 peratus kepada RM2,708 berbanding RM2,684 pada 2020.

13.9%
Kadar pertumbuhan
bilangan penerima gaji &
upah bulanan **pekerja**
perempuan, 2021



RM 2,671
Purata gaji &
upah bulanan **pekerja**
lelaki, 2021

Jadual 3.11 Gaji & upah bulanan, Pahang, 2015-2021

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bilangan Penerima ('000)	507.3	374.5	386.1	393.1	424.7	452.0	449.7
Penengah (RM)	1,620	1,650	1,870	2,111	2,225	1,753	1,917
Purata (RM)	2,122	2,185	2,425	2,662	2,754	2,684	2,708

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki di Pahang menyusut 8.6 peratus (264.3 ribu orang) berbanding perempuan yang mencatatkan kenaikan 13.9 peratus (185.4 ribu orang) pada 2021. Penengah gaji & upah bulanan bagi lelaki mencatatkan pertumbuhan 10.5 peratus (RM1,902) dan perempuan 3.8 peratus (RM1,922). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat 2.4 peratus (RM2,671) manakala pekerja perempuan menurun 2.1 peratus (RM2,761).

Paparan 3.9 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Pahang, 2020- 2021




STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.13.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Carta 3.13 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



5.6 juta
Bilangan siswazah
Malaysia, 2021




85.0%
Kadar penyertaan
tenaga buruh siswazah
Malaysia, 2021



77.4%
Siswazah bekerja
berada dalam sektor
Perkhidmatan, 2021

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi 77.4 peratus (3.54 juta orang) daripada keseluruhan siswazah bekerja. Manakala sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 13.7 peratus (627.8 ribu orang), diikuti sektor Pembinaan, 6.0 peratus (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.10.

Paparan 3.10 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



RM 4,582
Purata gaji & upah
bulanan
siswazah di
Malaysia, 2021

Statistik gaji & upah siswazah, Malaysia

Dari segi gaji & upah bulanan siswazah, penengah dan purata gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan meningkat 2.5 peratus (RM 3,911) berbanding tahun 2020. Selain itu, purata gaji & upah juga naik 2.1 peratus kepada RM4,582.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah siswazah ini seiring dengan peningkatan umur yang mana siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang terendah iaitu sebanyak RM1,590 dan RM1,984 seperti pada Paparan 3.11.

Paparan 3.11 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021





Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 yang diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.12).

Paparan 3.12 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021




RM 4,034
Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021



Penengah gaji & upah bulanan bagi semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif berbanding tahun 2020. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan penengah gaji & upah bulanan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan penengah gaji & upah bulanan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi turut meningkat berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.13).

Paparan 3.13 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021



RM 7,247
Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021

STATISTIK SISWAZAH PAHANG

244.4 ribu

Bilangan siswazah
Pahang, 2021




198.0 ribu

Bilangan tenaga buruh
siswazah Pahang, 2021

Statistik utama siswazah


Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Pahang adalah seramai 244.4 ribu orang, meningkat 10.3 peratus daripada 221.5 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 205.5 ribu orang, meningkat 11.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 184.4 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 84.1 peratus, naik 0.8 mata peratus berbanding 83.3 peratus pada tahun 2020 seperti Carta 3.14.

Carta 3.14 Statistik utama siswazah, Pahang, 2020-2021



Seramai 198.0 ribu orang siswazah bekerja di Pahang pada tahun 2021 dengan peningkatan tahunan sebanyak 11.4 peratus (2020: 177.7 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah adalah seramai 7.4 ribu orang (2020: 6.7 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Pahang pada tahun 2021 kekal 3.6 peratus. Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 15.9 peratus daripada jumlah siswazah di Pahang iaitu seramai 38.9 ribu orang pada tahun 2021, meningkat 4.9 peratus daripada 37.1 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Pahang menunjukkan komposisi siswazah di Pahang didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 53.7 peratus (131.3 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 46.3 peratus (113.1 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 84.1 peratus manakala siswazah perempuan turut bersamaan 84.1 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih rendah iaitu 3.5 peratus berbanding perempuan 3.7 peratus (Carta 3.15).

**Carta 3.15** Statistik utama siswazah mengikut jantina, Pahang, 2021

10.1%
Peningkatan
tenaga buruh
siswazah lelaki, 2021



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 110.4 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 12.6 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 10.1 peratus kepada 95.1 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Pahang adalah seramai 91.8 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (106.3 ribu orang). Bagi komposisi penganggur siswazah, penganggur lelaki merangkumi 44.4 peratus dari keseluruhan penganggur atau 3.3 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 4.1 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, bilangan siswazah perempuan menurun 20.6 peratus kepada 20.9 ribu orang manakala siswazah lelaki meningkat 67.5 peratus kepada 18.0 ribu orang.

RM 4,571
Purata gaji & upah
siswazah di
Pahang, 2021

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Pahang, 2021

Secara keseluruhan, purata gaji & upah bulanan siswazah di Pahang pada tahun 2021 adalah RM4,571, lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM4,392. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,933 pada tahun 2021 meningkat dari RM3,850 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.12).

Jadual 3.12 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Pahang, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^a	2021 ^a
Purata gaji (RM)	4,392	4,571
Penengah gaji (RM)	3,850	3,933

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

RM4,753
Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pahang, 2022

RM5,926
Kuantan
pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi, 2022

2.3%
Kadar purata pertumbuhan tahunan pendapatan kasar isi rumah bulanan penengah antara tahun, 2019-2022

PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pahang telah meningkat kepada RM4,753 pada tahun 2022 berbanding RM4,440 pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.3 peratus.

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran


Daerah Kuantan mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM5,926 pada tahun 2022 (2019: RM5,654) diikuti Cameron Highlands RM5,221 (2019: RM5,729). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM4,753. Daerah tersebut adalah Bentong RM4,691 (2019: RM4,220), Raub RM4,375 (2019: RM3,805), Maran RM4,319 (2019: RM3,671), Temerloh RM4,283 (2019: RM4,173), Rompin RM4,148 (2019: 3,579), Lipis RM4,115 (2019: RM3,646), Pekan RM4,053 (2019: RM4,092), Bera RM3,866 (2019: RM3,636) dan Jerantut RM3,781 (2019: RM3,781).

Daerah Maran mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 5.4 peratus diikuti Rompin kedua tertinggi (4.9%) antara tempoh 2019 hingga 2022.





Carta 3.16 Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2019 dan 2022



Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai pekali Gini menurun kepada 0.308 pada tahun 2022 daripada 0.330 pada tahun 2019. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Pahang semakin mengecil.

Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Pahang pada tahun 2022 menerima pendapatan penengah sebanyak RM10,148 diikuti isi rumah M40 (RM5,512) dan isi rumah B40 (RM3,220).

Kemiskinan

Pada tahun 2019, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti.

Nilai purata PGK di Pahang pada tahun 2022 ialah RM2,480 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,204 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.7 orang.

Insiden kemiskinan mutlak Pahang meningkat daripada 4.3 peratus pada 2019 kepada 6.3 peratus. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di bandar dan luar bandar turut mencatatkan kenaikan masing-masing kepada 5.6 peratus dan 7.1 peratus. Sementara itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2022 (2019: 0.1 peratus). Nilai kemiskinan relatif pada 2022 adalah 7.7 peratus berbanding 6.0 peratus pada tahun 2019.

Paparan 3.14

Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Pahang, 2022



Pendapatan isi rumah lebih daripada RM7,800

T2

RM12,876 **24.4%**

T1

RM8,718 **15.2%**



Pendapatan isi rumah RM4,160 hingga RM7,799

M4

RM7,030 **12.1%**

M3

RM5,923 **10.3%**

M2

RM5,107 **8.8%**

M1

RM4,440 **7.8%**



Pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,160

B4

RM3,883 **6.7%**

B3

RM3,434 **6.0%**

B2

RM2,993 **5.1%**

B1

RM2,125 **3.6%**

Petunjuk:

Agihan pendapatan

Pendapatan isi rumah penengah

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

RM 4,107
Perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata
Pahang, 2022




3.8%
Purata
pertumbuhan
tahunan

Pola perbelanjaan isi rumah boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor berdasarkan keutamaan keperluan dan saiz sesebuah isi rumah tersebut. Di kebanyakan negara, kumpulan barangan keperluan asas biasanya mendominasi perbelanjaan isi rumah. Situasi yang sama juga berlaku di Malaysia, makanan & minuman (19.9%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (19.3%), restoran & perkhidmatan penginapan (13.9%) dan pengangkutan (11.7%) merangkumi 64.8 peratus daripada keseluruhan komposisi perbelanjaan.

Terdapat enam kumpulan yang menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu restoran & perkhidmatan penginapan (1.9 mata peratus), insurans & perkhidmatan kewangan (1.4 mata peratus), rekreasi, sukan & kebudayaan (1.2 mata peratus), kesihatan dan perkhidmatan pendidikan masing-masing 0.4 mata peratus serta maklumat & komunikasi (0.1 mata peratus).

Di samping itu, tujuh kumpulan yang lain menunjukkan penurunan komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu kumpulan makanan & minuman, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dan pengangkutan masing-masing (-1.1 mata peratus). Pakaian & kasut (-0.8 mata peratus), minuman alkohol & tembakau dan penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan masing-masing menyusut 0.5 mata peratus serta hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (-0.4 mata peratus).

Carta 3.17 Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Pahang, 2019 dan 2022



Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

- 01 Makanan & minuman
- 02 Minuman alkohol & tembakau
- 03 Pakaian & kasut
- 04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
- 05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah
- 06 Kesihatan
- 07 Pengangkutan

- 08 Maklumat & komunikasi
- 09 Rekreasi, sukan & kebudayaan
- 10 Perkhidmatan pendidikan
- 11 Restoran dan perkhidmatan penginapan
- 12 Insurans & perkhidmatan kewangan
- 13 Penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan & perkhidmatan



Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran

Kos sara hidup secara relatifnya berbeza antara negeri disebabkan perbezaan harga barangan, tingkat pendapatan isi rumah dan kemampuan isi rumah untuk menampung kenaikan harga barang. Perbelanjaan isi rumah meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Di Pahang, perbelanjaan purata meningkat 3.8 peratus selari dengan peningkatan pendapatan purata sebanyak 0.6 peratus. Perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut daerah pentadbiran di Pahang merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Kuantan dan terendah di daerah Jerantut. Secara perbandingan, empat daerah pentadbiran mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri (RM4,107) iaitu Kuantan (RM4,724), Bentong (RM4,386), Raub (RM4,247) dan Cameron Highlands (RM4,229). Daerah pentadbiran lain merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bawah paras negeri.


Maran dan Lipis merekodkan komposisi perbelanjaan makanan & minuman yang tertinggi iaitu 24.0 peratus dan 23.5 peratus. Sementara itu, Bera mencatatkan komposisi tertinggi bagi perbelanjaan restoran & perkhidmatan penginapan (15.5%) dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain direkodkan tertinggi di Temerloh (22.3%). Bagi kumpulan pengangkutan pula, komposisi perbelanjaan tertinggi dicatatkan oleh daerah Lipis (13.7%). Isi rumah di semua daerah membelanjakan sekurang-kurangnya dua peratus untuk kumpulan kesihatan kecuali Cameron Highlands (3.9%), Bentong (3.7%), Raub (3.4%) dan Lipis (3.2%).

64.8%
Perbelanjaan utama
2022

Empat Daerah
Mencatatkan perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata melebihi
paras negeri

RM4,724
Kuantan
perbelanjaan penggunaan
isi rumah bulanan
purata tertinggi, 2022

Carta 3.18 Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2022



BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN
DOMESTIK MALAYSIA

STATISTIK PELANCONGAN
DOMESTIK NEGERI
PAHANG





Bab 04 | STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada tahun 2022, pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan peningkatan perjalanan setelah bergelut dengan krisis pandemik selama hampir dua tahun. Seramai 171.6 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2022 dengan kenaikan sebanyak 160.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, sebanyak 207.8 juta perjalanan pelancongan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan meningkat daripada 1.10 perjalanan kepada 1.21 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 248.1 peratus pada 2022 (2021: -54.5%). Sejumlah RM64.1 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2022 berbanding RM18.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan mengikut perjalanan kepada RM308 berbanding RM254 pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2022 bertambah kepada 2.55 hari berbanding 2.19 hari pada tahun sebelumnya.

171.6 juta
Jumlah pelawat domestik, 2022


Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2022

RM 64.1 bilion
Perbelanjaan pelawat domestik, 2022

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2021-2022

Statistik utama	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	66.0	171.6	160.1
Bilangan perjalanan (juta)	72.4	207.8	187.0
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	18.4	64.1	248.1
Purata perbelanjaan (RM)	254	308	21.3
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.19	2.55	16.6
Purata perjalanan	1.10	1.21	10.3

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.



337.1%

Peningkatan
bilangan pelancong
pada tahun 2022

65.4%

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun 2022

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2022 adalah seramai 106.5 juta pelawat dengan peningkatan sebanyak 108.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong turut meningkat daripada 14.9 juta pada tahun 2021 kepada 65.1 juta (337.1%) seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2021-2022

Jenis pelawat	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	51.1	106.5	108.5
Pelancong	14.9	65.1	337.1
Jumlah	66.0	171.6	160.1

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2022, peratus sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 65.4 peratus (135.9 juta perjalanan) dan 34.6 peratus (72.0 juta perjalanan). Peratus sumbangan perjalanan bermalam meningkat sebanyak 13.1 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada 2021, iaitu 21.5 peratus (Paparan 4.1).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2021-2022

Perjalanan Harian



2022	65.4%
2021	78.5%

Perjalanan Bermalam




2022	34.6%
2021	21.5%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada penamatan sekatan perjalanan, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan peningkatan signifikan pada tahun 2022. Perbelanjaan pelancong meningkat sebanyak 425.1 peratus berbanding penyusutan 68.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian meningkat 129.0 peratus kepada RM25.2 bilion (2021: RM11.0 bilion) seperti yang ditunjukkan di Paparan 4.2.



Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2021-2022



248.1%
Perbelanjaan pelancongan domestik meningkat pada 2022

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PAHANG

Kedatangan pelawat, 2022

Pahang menerima seramai 13.19 juta pelawat domestik pada 2022 berbanding 3.41 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan bilangan pelawat dipengaruhi oleh peningkatan bilangan pelancong sebanyak 511.9 peratus iaitu kepada 7.79 juta pelancong berbanding 1.27 juta pelancong pada tahun 2021 seperti pada Jadual 4.3.

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Pahang, 2021-2022

Jenis pelawat	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	1.27	7.79	511.9
Pelawat domestik	3.41	13.19	287.4


13.19 juta
Ketibaan pelawat domestik di Pahang pada 2022

Selangor
Negeri asal pelancong yang paling ramai berkunjung ke Pahang, 2022

Negeri asal pelancong, 2022

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Pahang pada tahun 2022. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari negeri Selangor adalah yang tertinggi, iaitu seramai 2.32 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Pahang (2.08 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (1.10 juta pelancong), Negeri Sembilan (0.53 juta pelancong) dan Johor (0.43 juta pelancong).

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Pahang, 2022



2.32 juta
Pelancong dari
Selangor yang
mengunjungi Pahang
pada tahun 2022



Genting Highlands
Destinasi tumpuan
utama pelawat
domestik pada tahun
2022

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2022

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Pahang pada tahun 2022, iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands, Pantai Teluk Cempedak, Strawberry Farm (Brinchang, Tanah Rata) dan East Coast Mall (ECM).

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Pahang, 2022




Terimaan pelancongan domestik, 2021

Pada tahun 2021, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM0.9 bilion telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Pahang berbanding tahun sebelumnya, RM2.7 bilion. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 70.1 peratus dan 57.7 peratus seperti pada Paparan 4.4.

Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2021 merekodkan penurunan kepada RM261 berbanding nilai yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya iaitu RM265.


Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2020-2021



Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 42.8 peratus daripada jumlah terimaan (2020: 44.0%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (12.6%), pembelian bahan api kenderaan (12.2%) dan penginapan (9.4%) seperti pada Paparan 4.5.



Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Pahang mengikut komponen, 2020-2021



RM 0.9 bilion
Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke Pahang, 2021


42.8%
Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen membeli-belah, 2021

52.5%
Percutian/ mengisi masa lapang/ berehat merupakan tujuan utama pelancong berkunjung ke Pahang, 2021

Tujuan perjalanan, 2021

Pada tahun 2021, majoriti pelancong berkunjung ke Pahang untuk tujuan percutian/ mengisi masa lapang/ berehat iaitu sebanyak 52.5 peratus seperti Paparan 4.6. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan melawat saudara-mara & rakan (39.1%) dan perjalanan insentif/ lain-lain (4.2%).

Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Pahang, 2021



BAB 5

STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN
MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN
PAHANG





Bab 05

STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.85 trilion, meningkat 27.8 peratus atau RM619.4 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2.23 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.55 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM1.30 trilion, sekali gus mendorong lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM255.5 bilion, meningkat 0.7 peratus daripada RM253.7 bilion pada tahun 2021.

Peningkatan jumlah perdagangan berlaku di semua negeri terutamanya Johor yang meningkat RM180.9 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM168.9 bilion), Selangor (RM78.3 bilion), Sarawak (RM56.2 bilion), Kedah (RM30.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM18.4 bilion), Melaka (RM16.9 bilion), Negeri Sembilan (RM15.1 bilion), Sabah (RM10.9 bilion), Pahang (RM10.2 bilion) dan W.P. Labuan (RM9.6 bilion).

Eksport

Pada tahun 2022, eksport meningkat 25.0 peratus kepada RM1.55 trilion dipengaruhi oleh peningkatan eksport produk utama seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang menyumbang 19.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM74.4 bilion (32.8%) kepada RM301.7 bilion.

2

Keluaran petroleum bertapis yang merangkumi 9.8 peratus daripada jumlah eksport, naik RM65.5 bilion atau 76.0 peratus kepada RM151.7 bilion.

3

Gas asli cecair - LNG menyumbang 4.4 peratus daripada jumlah eksport meningkat sebanyak RM29.8 bilion (78.0%) kepada RM68.0 bilion.

“Peningkatan jumlah perdagangan terutamanya di Johor dan Pulau Pinang”



“RM **2.85** trilion
Jumlah perdagangan Malaysia, 2022”



Singapura & China
Destinasi utama
eksport
Malaysia



13.6%
Peratusan
eksport ke China
pada tahun 2022

Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2022 ialah Singapura dan China.

Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2022



China

Eksport **RM210.6 b** ↑ 9.4%
Import **RM276.5 b** ↑ 20.7%




Singapura

Eksport **RM232.6 b** ↑ 33.7%
Import **RM135.6 b** ↑ 44.9%


Eksport ke China yang merangkumi 13.6 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 9.4 peratus kepada RM210.6 bilion. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi produk seperti Paparan 5.2.

Paparan 5.2 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2022



Eksport ke Singapura yang meliputi 15.0 peratus daripada eksport Malaysia pada 2022 meningkat 33.7 peratus kepada RM232.6 bilion berbanding 2021. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah litar elektronik bersepadu, keluaran petroleum bertapis dan kristal piezo elektrik & alat ganti seperti pada Paparan 5.3.

Paparan 5.3 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapura, 2022





Import

Import Malaysia merekodkan nilai RM1.30 trilion pada tahun 2022, meningkat sebanyak RM308.8 bilion atau 31.3 peratus (2021: RM987.3 bilion). Produk utama yang mendorong peningkatan ini adalah:

1

Keluaran petroleum bertapis yang merangkumi 10.8 peratus daripada jumlah import, naik RM56.9 bilion atau 68.7 peratus kepada RM139.8 bilion

2

Litar elektronik bersepadu menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM47.2 bilion (34.1%) kepada RM185.7 bilion


3

Petroleum mentah menyumbang 4.1 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM38.8 bilion (274.6%) kepada RM52.9 bilion

Import mengikut negara asal


Import dari China bernilai RM276.5 bilion (21.3% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM47.5 bilion (20.7%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti pada Paparan 5.4.

Paparan 5.4 Produk yang menyumbang peningkatan import dari China, 2022



Import dari Singapura bernilai RM135.6 bilion (10.5% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM42.0 bilion (44.9%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti Paparan 5.5.

Paparan 5.5 Produk yang menyumbang peningkatan import dari Singapura, 2022



RM **1.30** trilion

Jumlah
import Malaysia,
2022

RM **276.5** bilion

Nilai import
dari **China**,
2022

RM **135.6** bilion

Nilai import
dari **Singapura**,
2022

SOROTAN PERDAGANGAN PAHANG

RM58.2 bilion
Jumlah perdagangan
Pahang, 2022




RM35.5 bilion
Jumlah eksport
barangan
Pahang, 2022

Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Pahang pada tahun 2022 bernilai RM58.2 bilion. Nilai eksport Pahang berjumlah RM35.5 bilion pada tahun 2022, meningkat sebanyak 8.9 peratus berbanding RM32.6 bilion pada tahun sebelumnya. Di samping itu, nilai import Pahang meningkat 47.7 peratus kepada RM22.6 bilion berbanding RM15.3 bilion pada tahun 2021.

Carta 5.1 Perdagangan Pahang dengan dunia, 2015-2022^P



Eksport Barangan

Antara eksport barangan utama Pahang pada tahun 2022 adalah batang pipih, batang bulat, d.s.b. daripada besi dan keluli bernilai RM14.1 bilion dengan pertumbuhan positif 9.5 peratus. Oleokimia berasaskan kelapa sawit meningkat 25.3 peratus serta barangan elektrik dan elektronik yang lain meningkat 26.7 peratus. Seterusnya, minyak kelapa sawit dan lain-lain kayu-pulp masing-masing meningkat 62.0 peratus dan 82.6 peratus.

Jadual 5.1 Eksport barangan mengikut komoditi utama Pahang, 2015-2022^P

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)								Peratus perubahan 2022 ^P /2021
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022 ^P	
Jumlah eksport barangan	16,650	13,499	13,937	13,151	25,399	28,483	32,640	35,545	8.9
Batang pipih, batang bulat, dsb daripada besi dan keluli	n.a.	1	1	243	3,940	10,492	12,897	14,118	9.5
Oleokimia berasaskan kelapa sawit	1,515	1,915	1,344	1,096	2,529	1,955	2,734	3,424	25.3
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	691	705	852	895	766	866	1,117	1,415	26.7
Minyak kelapa sawit	571	223	296	199	1,278	495	712	1,153	62.0
Lain-lain kayu - pulp	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	51	295	538	82.6



Destinasi eksport utama Pahang pada tahun 2022 adalah China dengan jumlah eksport bernilai RM7.9 bilion, diikuti Hong Kong dengan RM3.3 bilion. Selain itu, eksport ke Singapura bernilai RM2.5 bilion manakala eksport ke Viet Nam dan Belanda masing-masing bernilai RM2.03 bilion dan RM1.97 bilion.

Import Barangan

Antara import barangan utama Pahang pada tahun 2022 adalah keluaran petroleum bertapis yang meningkat 161.3 peratus, diikuti oleh saluran, paip dan pasangan besi atau keluli iaitu 83.5 peratus. Selain itu, motorbas & lori, belum dipasang meningkat 36.6 peratus dan alat ganti & aksesori bagi traktor, kereta, kenderaan barang/jalan raya bermotor menurun 6.7 peratus. Barangan elektrik dan elektronik yang lain menurun 27.3 peratus.

Pada tahun 2022, sumber import utama Pahang adalah daripada Singapura (RM5.5 bilion) dan Australia (RM4.7 bilion), diikuti oleh China (RM2.6 bilion), Indonesia (RM1.6 bilion) dan Jepun (RM1.1 bilion).

Jadual 5.2 Import barangan mengikut komoditi utama Pahang, 2015-2022^P

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)								Peratus perubahan 2022 ^P /2021
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022 ^P	
Jumlah import barangan	7,949	7,793	13,610	13,800	13,566	13,938	15,329	22,641	47.7
Keluaran petroleum bertapis	1,584	1,079	2,074	1,938	1,338	1,813	1,860	4,861	161.3
Saluran, paip dan pasangan besi atau keluli	326	632	1,531	998	455	576	348	639	83.5
Motorbas & lori, belum dipasang	323	377	502	594	531	346	280	383	36.6
Alat ganti & aksesori bagi traktor, kereta, kenderaan barang/jalan raya bermotor	33	16	70	107	196	126	365	340	-6.7
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	193	186	191	178	169	185	359	261	-27.3

Rakan Dagang Utama

China merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Pahang yang menyumbang sebanyak 17.9 peratus (RM10.4 bilion) daripada jumlah perdagangan. Singapura (RM8.1 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti oleh Australia (RM5.0 bilion), Hong Kong (RM3.6 bilion) dan Jepun (RM2.8 bilion).

RM22.6 bilion
Jumlah import barangan Pahang, 2022

161.3%
Import keluaran petroleum bertapis meningkat pada 2022

China
Rakan dagangan dua hala terbesar Pahang

Imbangan Perdagangan

“
Imbangan perdagangan
dua hala **Pahang** dengan
China mencatatkan
lebih
”



“
Imbangan perdagangan
dua hala **Pahang** dengan
Australia & Singapura
merekodkan defisit
”

Dari sudut imbangan perdagangan dua hala, Pahang mencatatkan eksport sebanyak RM7.9 bilion ke China, sementara import Pahang dari China sebanyak RM2.6 bilion. Perbezaan dari segi nilai eksport dan import memberi manfaat kepada Pahang sebanyak RM5.3 bilion. Imbangan perdagangan dua hala Pahang dengan Hong Kong pada tahun 2022 juga mencatatkan lebih sebanyak RM3.0 bilion. Walau bagaimanapun, nilai import daripada negara Australia dan Singapura yang melebihi nilai eksport telah mendorong kepada defisit perdagangan masing-masing sebanyak RM4.3 bilion dan RM3.0 bilion.

Jadual 5.3 Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Pahang, 2022^P

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	35,545	100.0	22,641	100.0	12,904	58,186	100.0	
China	7,858	22.1	2,572	11.4	5,285	10,430	17.9	1
Singapura	2,522	7.1	5,534	24.4	-3,012	8,056	13.8	2
Australia	363	1.0	4,656	20.6	-4,293	5,019	8.6	3
Hong Kong	3,316	9.3	289	1.3	3,027	3,605	6.2	4
Jepun	1,696	4.8	1,102	4.9	594	2,798	4.8	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

BAB 6

STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN
PERSEKUTUAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN
NEGERI

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN
NEGERI PAHANG





Bab 06

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Tahun 2021 merupakan tahun pemulihan selepas kemelesetan ekonomi yang melanda di seluruh dunia disebabkan oleh ketidaktentuan di dalam sentimen ekonomi dunia akibat konflik perdagangan antara kuasa-kuasa besar dan penularan pandemik COVID-19.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam kutipan hasil mencatatkan peningkatan, dipacu oleh pembukaan sektor ekonomi secara meluas serta pemulihan pendapatan syarikat.

Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan pertumbuhan 3.9 peratus pada tahun 2021. Jumlah hasil tersebut meningkat sebanyak RM8.7 bilion iaitu daripada RM225.1 bilion pada tahun 2020 kepada RM233.8 bilion pada tahun 2021 seperti pada Jadual 6.1.

Jadual 6.1 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2020-2021

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2020	2021	
Hasil cukai	154.4	173.7	12.5
Hasil bukan cukai	62.0	51.1	-17.6
Terimaan bukan hasil	8.0	8.4	5.7
Hasil Wilayah Persekutuan	0.7	0.5	-23.8
Jumlah hasil	225.1	233.8	3.9

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan komponen kutipan hasil cukai yang mencatatkan peningkatan memberangsangkan. Hasil cukai mendominasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan sebanyak 74.3 peratus dan merekodkan peningkatan 12.5 peratus.

RM233.8 bilion
Jumlah hasil
Kerajaan Persekutuan
pada tahun 2021



12.5%
Peningkatan pertumbuhan
hasil cukai pada
tahun 2021



7.2%
Kenaikan perbelanjaan
Kerajaan Persekutuan
pada tahun 2021



RM10.4 bilion
Pertambahan perbelanjaan
dalam pemberian dan
kenaikan bayaran pada
tahun 2021

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM295.8 bilion pada tahun 2021 seperti pada Jadual 6.2. Peningkatan ini didorong oleh perbelanjaan pembangunan yang bertambah sebanyak 25.1 peratus iaitu kepada RM64.3 bilion daripada RM51.4 bilion pada tahun 2020.

Sementara itu, perbelanjaan mengurus turut mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus iaitu daripada RM224.6 bilion pada tahun 2020 kepada RM231.5 bilion pada tahun 2021. Pemberian dan kenaikan bayaran merupakan antara penyumbang kepada kenaikan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dengan pertambahan sebanyak RM10.4 bilion atau 9.4 peratus daripada RM111.2 bilion kepada RM121.6 bilion pada tahun 2021.

Jadual 6.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2020-2021

Perbelanjaan	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2020	2021	
Perbelanjaan mengurus	224.6	231.5	3.1
Perbelanjaan pembangunan	51.4	64.3	25.1
Jumlah perbelanjaan	276.0	295.8	7.2

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 telah diwartakan pada 26 Oktober 2020 sebagai salah satu inisiatif menghadapi wabak COVID-19 yang diperuntukkan dalam Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Pelbagai insentif yang dilaksanakan antaranya Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAL), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Pada tahun 2021, sebanyak RM37.7 bilion telah dibelanjakan di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan pemberian tunai, subsidi dan geran kepada golongan sasaran. Perbelanjaan ini meliputi program Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan, Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan serta Geran PRIHATIN PKS yang berjumlah RM28.3 bilion daripada jumlah perbelanjaan tahun 2021.



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri

Kerajaan negeri memperoleh hasil daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain.

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM7.6 bilion (2020: RM10.6 bilion) seperti pada Carta 6.1. Walau bagaimanapun, kutipan hasil ini mengalami penyusutan 28.4 peratus disebabkan oleh penguncupan hasil cukai sebanyak 33.9 peratus pada tahun 2021.

Berbeza dengan Kerajaan Negeri Sabah yang merekodkan kutipan hasil kedua tertinggi dengan peningkatan 51.8 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ini juga merupakan pertumbuhan terbesar pada tahun 2021 yang didorong oleh kenaikan dalam hasil cukai sebanyak RM1.7 bilion iaitu meningkat 139.7 peratus dari tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga merekodkan peningkatan hasil sebanyak RM26.4 juta dengan nilai hasil berjumlah RM2.3 bilion. Secara keseluruhannya, hampir kesemua negeri merekodkan peningkatan dalam kutipan hasil kecuali Sarawak, Terengganu, Johor dan Negeri Sembilan.

RM 7.6 bilion
Sarawak
kutipan hasil tertinggi
pada tahun 2021



RM 5.5 bilion
Sabah kutipan hasil
kedua tertinggi
pada tahun 2021

Carta 6.1 Kutipan hasil kerajaan negeri, 2020-2021



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

“
RM11.3 bilion
Sarawak mencatatkan
perbelanjaan mengurus
tertinggi
 ”



“
6 negeri
mencatatkan
peningkatan dalam
perbelanjaan mengurus
 ”


Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM11.3 bilion berbanding RM10.3 bilion pada tahun 2020 dengan pertambahan sebanyak RM1.0 bilion atau meningkat 10.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (Carta 6.2). Peningkatan perbelanjaan mengurus ini didorong oleh kenaikan dalam perbelanjaan lain serta pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah pula memperuntukkan sebanyak RM4.5 bilion pada tahun 2021 bagi perbelanjaan mengurus. Negeri ini mencatatkan penurunan dalam perbelanjaan sebanyak 0.2 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam pemberian dan kenaikan bayaran tetap yang berkurang sebanyak RM216.7 juta.

Selain Sarawak, lima lagi negeri yang mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 iaitu Kerajaan Negeri Pahang yang meningkat 29.8 peratus iaitu sebanyak RM860.1 juta, diikuti Kerajaan Negeri Kelantan (RM725.9 juta), Kerajaan Negeri Kedah (RM635.4 juta), Kerajaan Negeri Melaka (RM392.4 juta) dan Kerajaan Negeri Perlis (RM137.2 juta).

Carta 6.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2020-2021



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Surplus/defisit kerajaan negeri


Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Secara keseluruhan, analisis mendapati bahawa Kerajaan Negeri Sabah mencatatkan surplus terbesar berjumlah RM931.6 juta pada tahun 2021 berbanding defisit sejumlah RM934.6 juta pada tahun 2020. Surplus ini dipacu oleh peningkatan hasil cukai.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan defisit terbesar berjumlah RM3.7 bilion pada tahun 2021 berbanding surplus sebanyak RM366.6 juta pada tahun 2020. Defisit ini dipengaruhi oleh penurunan dalam hasil cukai dan peningkatan dalam perbelanjaan lain. Secara keseluruhan, tujuh negeri merekodkan surplus pada tahun 2021, manakala enam negeri memperoleh defisit seperti di Carta 6.3.

7 negeri
mencatatkan **surplus**
pada tahun 2021



Carta 6.3 Surplus/defisit mengikut negeri, 2020-2021 - RM juta



RM 0.9 bilion
Surplus bagi Kerajaan
Negeri Sabah
pada tahun 2021

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

155 PBT

19 Dewan/majlis bandaraya

40 Majlis perbandaran

91 Majlis daerah

5 Agensi diberi kuasa PBT



RM2.4 bilion

Pendapatan **DBKL**
pada tahun 2021

Terdapat 155 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang terdiri daripada dewan/majlis bandaraya (DB/MB), majlis perbandaran (MP) dan majlis daerah (MD). Dewan/majlis bandaraya merangkumi 19 PBT manakala majlis perbandaran dan majlis daerah masing-masing sebanyak 40 dan 91 PBT dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu, lima badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Lembaga Pembangunan Tioman dan Lembaga Bandaran Kudat.

Sementara itu, prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Prestasi kewangan PBT

Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

a. Dewan/majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 19 dewan/majlis bandaraya, 10 dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi kewangan tertinggi melibatkan pihak berkuasa tempatan W.P. Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Secara umumnya, daripada 10 PBT tersebut, enam dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021. Namun, empat dewan/majlis bandaraya memperlihatkan penyusutan terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti di Carta 6.4.

Melihat dari aspek pendapatan, DBKL merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM2.4 bilion meskipun bertumbuh pada paras negatif 19.9 peratus pada tahun 2021. Selain itu, dua PBT di Johor iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan sebanyak RM605.3 juta dan merupakan PBT kedua




tertinggi dalam kelompok dewan/majlis bandaraya, manakala Majlis Bandaraya Iskandar Puteri merekodkan pendapatan sebanyak RM304.6 juta.

Selain itu, tiga PBT daripada Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Subang Jaya masing-masing memperoleh pendapatan sebanyak RM525.5 juta, RM378.9 juta dan RM292.1 juta. Sementara itu, dua PBT Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mencatatkan pendapatan berjumlah RM378.4 juta dan RM304.9 juta. Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Bandaraya Ipoh masing-masing merekodkan pendapatan sebanyak RM541.8 juta dan RM405.3 juta pada tahun 2021.

Carta 6.4

Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2020-2021



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

b. Majlis perbandaran

Daripada keseluruhan 40 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Selangor, Johor, Perak dan Terengganu (Carta 6.5).

Pada tahun 2021, Majlis Perbandaran Klang memperoleh pendapatan tertinggi iaitu RM279.0 juta, menurun sedikit berbanding tahun 2020 sebanyak RM284.1 juta dengan pertumbuhan negatif 1.8 peratus.

Pada masa yang sama, terdapat enam lagi majlis perbandaran di Selangor berada dalam kelompok penyumbang tertinggi di

12.2%
Pertumbuhan positif
MB Shah Alam
pada tahun 2021



19.9%
Pengurangan
pendapatan **DBKL**
pada tahun 2021

104.9%

Pertumbuhan pendapatan
MP Kulai
pada tahun 2021



RM113.1 juta


Pendapatan
MP Kemaman
pada tahun 2021

kalangan majlis perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Kajang (RM255.0 juta), Majlis Perbandaran Selayang (RM244.6 juta), Majlis Perbandaran Sepang (RM206.0 juta), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (RM173.2 juta), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (RM169.9 juta) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (RM114.3 juta).

Bagi prestasi kewangan di Johor, Majlis Perbandaran Kulai merekodkan pendapatan sebanyak RM232.9 juta, meningkat daripada RM113.7 juta pada tahun sebelumnya dengan pertumbuhan sebanyak 104.9 peratus.

Beralih ke negeri Perak, majlis perbandaran yang mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu Majlis Perbandaran Manjung merekodkan pertumbuhan 32.7 peratus menjadikan pendapatan pada tahun 2021 berjumlah RM130.7 juta. Di Terengganu pula, Majlis Perbandaran Kemaman mencatatkan pertumbuhan 39.2 peratus daripada RM81.2 juta kepada RM113.1 juta pada tahun 2021.

Carta 6.5 Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2020-2021



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

c. Majlis daerah

Daripada 91 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Johor, Perak, Negeri Sembilan, Kedah dan Pahang.

Secara keseluruhannya, daripada 10 majlis daerah tersebut dua majlis daerah menunjukkan penurunan pendapatan iaitu Majlis Daerah Kerian dan Majlis Daerah Rompin.



Di Johor terdapat dua majlis daerah merekodkan prestasi kewangan tertinggi dalam kelompok majlis daerah iaitu Majlis Daerah Tangkak dengan pendapatan sebanyak RM81.1 juta pada tahun 2021 seperti pada Carta 6.6. Ini diikuti dengan Majlis Daerah Kota Tinggi dengan pendapatan berjumlah RM61.1 juta.

Terdapat lima majlis daerah di Perak yang berada di dalam kategori 10 pendapatan tertinggi iaitu Majlis Daerah Kerian dengan merekodkan prestasi kewangan berjumlah RM42.8 juta, diikuti Majlis Daerah Batu Gajah dengan perolehan pendapatan RM42.7 juta pada tahun 2021. Ini diikuti oleh Majlis Daerah Kampar (RM35.9 juta), Majlis Daerah Perak Tengah (RM33.4 juta) dan Majlis Daerah Tanjong Malim (RM32.9 juta).

Sementara itu, Majlis Daerah Rembau di Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan pendapatan RM35.1 juta meningkat daripada RM21.4 juta dengan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 64.0 peratus.

Pada masa yang sama, Majlis Daerah Baling mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM31.7 juta daripada RM15.4 juta tahun sebelumnya manakala Majlis Daerah Rompin memperoleh pendapatan berjumlah RM29.7 juta pada tahun 2021.


64.0%
Pertumbuhan pendapatan
MD Rembau
pada tahun 2021



RM81.1 juta
Pendapatan MD
Tangkak pada
tahun 2021

Carta 6.6

Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2020-2021



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PAHANG

Hasil Kerajaan Negeri Pahang

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2021, kutipan hasil Kerajaan Negeri Pahang adalah sebanyak RM866.0 juta. Penyumbang tertinggi dalam kutipan hasil kerajaan ini adalah daripada hasil cukai dengan sumbangan sebanyak 48.7 peratus seperti pada Carta 6.7.

Carta 6.7 Hasil Kerajaan Negeri Pahang, 2021



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Secara keseluruhan, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2021 merekodkan kenaikan iaitu sebanyak 1.8 peratus daripada RM850.5 juta kepada RM866.0 juta (Carta 6.8). Peningkatan ini didorong oleh kenaikan dalam terimaan bukan hasil yang bertambah sebanyak RM58.2 juta.

Carta 6.8 Siri masa hasil Kerajaan Negeri Pahang, 2015-2021



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM866.0 juta
Hasil Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2021



48.7%
Sumbangan hasil cukai pada tahun 2021





Hasil Kerajaan Negeri Pahang disumbangkan oleh lima sumber utama dengan sumbangan tertinggi iaitu hasil tanah bernilai RM508.7 juta diikuti hasil-hasil lain yang berjumlah RM164.4 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan negeri Pahang adalah hasil hutan, geran persekutuan dan hasil air seperti pada Jadual 6.3.

Jadual 6.3 Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Pahang, 2020-2021


Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2020	2021
Hasil tanah	504.8	508.7
Hasil-hasil lain	99.7	164.4
Hasil hutan	131.0	102.6
Geran persekutuan	95.3	73.5
Hasil air	19.7	16.7
Jumlah	850.5	866.0

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Pahang

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berjumlah RM966.8 juta. Sejumlah RM860.1 juta atau 89.0 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan (Carta 6.9).

Carta 6.9 Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Pahang, 2015-2021



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM508.7 juta
Hasil tanah merupakan penyumbang hasil tertinggi



29.8%
Peningkatan perbelanjaan Pahang pada tahun 2021

3.9%
Peningkatan
emolumen
negeri Pahang
pada tahun 2021



Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Pahang mencatatkan peningkatan sebanyak RM197.7 juta iaitu meningkat 29.8 peratus daripada RM662.4 juta pada tahun 2020 kepada RM860.1 juta pada tahun 2021 (Jadual 6.4).

Pemberian dan kenaikan bayaran tetap Kerajaan Negeri Pahang merupakan penyumbang terbesar kepada kenaikan perbelanjaan mengurus dengan peningkatan sebanyak RM153.4 juta. Selain itu, perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset dan perbelanjaan lain juga menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan mengurus ini.

Jadual 6.4 Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Pahang 2020-2021

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2020	2021	RM juta	%
Emolumen	317.7	330.0	12.3	3.9
Perkhidmatan dan bekalan	132.3	149.5	17.2	13.0
Aset	1.6	15.1	13.4	817.7
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	205.1	358.5	153.4	74.8
Perbelanjaan lain	5.7	7.1	1.4	24.2
Jumlah	662.4	860.1	197.7	29.8

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit Kerajaan Negeri Pahang

Kerajaan Negeri Pahang mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan surplus semasa berjumlah RM5.9 juta berbanding surplus berjumlah RM188.0 juta pada tahun 2020 seperti di Jadual 6.5.

Jadual 6.5 Surplus/defisit Kerajaan Negeri Pahang, 2020-2021


Butiran	RM juta		Perubahan	
	2020	2021	RM juta	%
Hasil	850.5	866.0	15.5	1.8
Perbelanjaan mengurus	662.4	860.1	197.7	29.8
Surplus/defisit	188.0	5.9	-182.2	-96.9

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM 5.9 juta
Surplus Kerajaan
Negeri Pahang
pada tahun 2021



PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI PAHANG



PAHANG

mempunyai **satu majlis bandaraya, dua majlis perbandaran** dan **lapan majlis daerah**

MB KUANTAN

merekodkan pendapatan **tertinggi** pada tahun 2021 iaitu **RM229.8 juta**

01 CAMERON HIGHLANDS

MD CAMERON HIGHLANDS
RM22.3 juta
38.5

04 RAUB

MD RAUB
RM19.2 juta
96.0

07 MARAN

MD MARAN
RM22.1 juta
113.5

10 PEKAN

MD PEKAN
RM29.4 juta
122.6

02 LIPIS

MD LIPIS
RM19.2 juta
96.6

05 BENTONG

MP BENTONG
RM80.1 juta
115.7

08 KUANTAN

MB KUANTAN
RM229.8 juta
554.6

11 ROMPIN

MD ROMPIN
RM29.7 juta
100.6

03 JERANTUT

MD JERANTUT
RM19.9 juta
95.9

06 TEMERLOH

MP TEMERLOH
RM36.8 juta
169.4

09 BERA

MD BERA
RM19.2 juta
98.0

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
RM4.9 juta

Nota:

1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.



Pihak berkuasa tempatan



Pendapatan PBT 2021



Jumlah penduduk 2021 ('000)

Pihak berkuasa tempatan Pahang

39.7%
Peningkatan pendapatan
MB Kuantan
pada tahun 2021



RM 6.2 juta
Surplus
MD Pekan
pada tahun 2021

Pada tahun 2021, Majlis Bandaraya Kuantan mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM229.8 juta yang juga merupakan pendapatan tertinggi bagi keseluruhan PBT di Pahang. Pendapatan PBT ini pada tahun 2021 meningkat sebanyak 39.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, PBT ini juga merekodkan peningkatan dalam perbelanjaan sebanyak 28.8 peratus pada tahun 2021. Majlis Bandaraya Kuantan merekodkan surplus pada tahun 2021 dan juga merupakan surplus tertinggi bagi PBT di Pahang iaitu sebanyak RM51.2 juta.

Sementara itu, dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Bentong menunjukkan pendapatan tertinggi pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 5.7 peratus dari RM75.8 juta kepada RM80.1 juta. Berbeza dengan Majlis Perbandaran Temerloh yang merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 3.1 peratus. Selain itu, kedua-dua PBT ini merekodkan peningkatan dalam perbelanjaan dengan peningkatan 3.9 peratus bagi Majlis Perbandaran Bentong dan 5.5 peratus bagi Majlis Perbandaran Temerloh.

Secara keseluruhannya, Majlis Perbandaran Bentong merekodkan surplus pada tahun 2021 sebanyak RM16.1 juta, manakala Majlis Perbandaran Temerloh merekodkan defisit berjumlah RM2.9 juta.

Dalam kumpulan majlis daerah pula, Majlis Daerah Rompin merupakan majlis daerah yang mempunyai pendapatan tertinggi bagi tahun 2021 dengan pendapatan sebanyak RM29.7 juta, menyusut 37.0 peratus dari tahun sebelumnya. Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Lipis merupakan majlis daerah yang menunjukkan pertumbuhan pendapatan yang positif masing-masing berjumlah RM19.9 juta dan RM19.2 juta. Surplus tertinggi direkodkan oleh Majlis Daerah Pekan sebanyak RM6.2 juta, manakala Majlis Daerah Jerantut menunjukkan defisit tertinggi untuk tahun 2021 yang berjumlah RM15.2 juta.

**Jadual 6.6** Kedudukan kewangan PBT Pahang, 2020-2021 - RM juta

Pihak berkuasa tempatan	2020			2021		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit
MB Kuantan	164.5	138.7	25.9	229.8	178.6	51.2
MP Bentong	75.8	61.6	14.2	80.1	64.0	16.1
MP Temerloh	38.0	37.6	0.4	36.8	39.7	-2.9
MD Rompin	47.1	27.6	19.5	29.7	25.2	4.5
MD Pekan	63.2	21.0	42.2	29.4	23.1	6.2
MD Cameron Highlands	22.9	18.0	5.0	22.3	18.2	4.1
MD Maran	25.8	17.7	8.0	22.1	20.0	2.1
MD Jerantut	16.9	43.3	-26.3	19.9	35.1	-15.2
MD Bera	20.4	21.6	-1.3	19.2	19.9	-0.7
MD Raub	22.6	19.8	2.8	19.2	18.8	0.4
MD Lipis	18.7	22.4	-3.7	19.2	20.9	-1.7
Lembaga Pembangunan Tioman	4.1	3.6	0.5	4.9	4.9	0.0
Jumlah	520.0	432.9	87.1	532.6	468.4	64.2

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

“
RM80.5juta
 kutipan hasil cukai
 taksiran bagi
MB Kuantan pada
 tahun 2021
 ”




Sebahagian daripada pendapatan PBT di Pahang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran ke atas penduduk. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai ini dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Penyumbang utama bagi kutipan hasil cukai taksiran dicatatkan oleh Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Perbandaran Bentong dan Majlis Perbandaran Temerloh seperti pada Carta 6.10. Ketiga-tiga PBT ini menyumbang sebanyak 75.6 peratus kepada hasil cukai taksiran di Pahang.

Secara keseluruhan, sepuluh PBT menunjukkan peningkatan jumlah kutipan cukai taksiran. Kutipan tertinggi direkodkan oleh Majlis Bandaraya Kuantan dengan kutipan bernilai RM80.5 juta. Kutipan cukai taksiran ini menurun dari tahun sebelumnya dengan menyusut 2.9 peratus daripada RM82.9 juta kepada RM80.5 juta.

Bagi kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Bentong menunjukkan kutipan hasil cukai taksiran tertinggi sebanyak RM60.1 juta pada tahun 2021, meningkat berbanding tahun sebelumnya (2020: RM58.6 juta). Bagi kumpulan majlis daerah pula, perolehan cukai taksiran tertinggi direkodkan oleh Majlis Daerah Cameron Highlands berjumlah RM8.8 juta berbanding RM7.8 juta pada tahun sebelumnya.

Carta 6.10 Hasil cukai taksiran PBT Pahang, 2020-2021



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

BAB 7

NOTA TEKNIKAL

AKAUN NEGARA
INDEKS HARGA PENGGUNA
PENDUDUK

TENAGA BURUH
GAJI & UPAH

STATISTIK SISWAZAH

PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PERDAGANGAN

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
PENGUNAAN ISI RUMAH



AKAUN NEGARA

KONSEP

1. PENGENALAN

DEFINISI

Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penerbitan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2015 bagi tahun 2015 hingga 2022 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. KONSEP KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menumpu kepada kaedah pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

2.1 Pendekatan pengeluaran

KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan ditambah dengan duti import. Perbezaan antara output kasar dengan penggunaan perantaraan adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat

AKAUN NEGARA

KONSEP

DEFINISI

kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain pusat kepentingan ekonomi utama (2008 SNA).

2.2 Pusat kepentingan ekonomi utama

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau lain-lain premis. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

Berdasarkan 2008 SNA, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (negeri Supra).

2.3 Negeri Supra

Negeri Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, negeri Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

AKAUN NEGARA

KONSEP

2.4 KDNK pada harga malar

DEFINISI

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

Pengukuran nilai barangan dan perkhidmatan dalam bentuk wang (Ringgit Malaysia) bergantung kepada perubahan harga dan kuantiti. Pengasingan kesan harga daripada penganggaran nilai adalah penting bagi membolehkan perbandingan sebenar iaitu perubahan tingkat/kuantiti barang dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi dapat diukur.

Kaedah deflasi terbahagi kepada deflasi tunggal dan deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan siri harga malar. Kaedah deflasi tunggal mengeluarkan pengaruh harga daripada output atau input yang telah dianggarkan manakala kaedah deflasi berganda pula mengeluarkan pengaruh harga daripada kedua-dua output dan input. Oleh yang demikian, nilai ditambah adalah perbezaan daripada hasil tolak output dan input. Kaedah deflasi berganda digunakan secara meluas dalam KDNK bagi kaedah pengeluaran.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Penyusunan KDNK mengikut negeri mengguna pakai *MSIC 2008* sebagai asas penyusunan. Ini adalah sejajar dengan liputan banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. *MSIC 2008* adalah berasaskan *ISIC Rev. 4*. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyusunan ini, aktiviti ekonomi telah diagregatkan mengikut ketersediaan data.

4. SEMAKAN DAN PENYELARASAN

KDNK negeri bagi tahun 2020 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini antaranya penyiasatan tahunan dan penyata kewangan syarikat.

Bagi tahun 2021, semakan adalah berdasarkan data terkini banci/penyiasatan tahunan/dwi tahunan dan akaun syarikat/perusahaan individu.

AKAUN NEGARA

KONSEP

DEFINISI

Penyusunan bagi tahun 2022 adalah berdasarkan maklumat terkini seperti penyiasatan suku tahunan dan data sekunder daripada pelbagai agensi.

5. EKSPORT DAN IMPORT

Pintu keluar dan masuk.

Pintu keluar dan masuk merujuk kepada laluan untuk keluar atau masuk dari negara ini sama ada melalui laut, udara atau tanah (termasuk saluran paip dan kabel).

Nilai eksport atau import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk tidak menggambarkan eksport atau import oleh negeri berkenaan sebaliknya hanya melalui pintu keluar dan masuk di negeri tersebut sahaja. Sebagai contoh, sesuatu barangan mungkin dikeluarkan oleh syarikat di negeri A dan dieksport melalui pintu keluar di negeri B. Berdasarkan pintu keluar dan masuk, nilai eksport tersebut akan dilaporkan oleh negeri B.

Nilai eksport atau import mengikut pintu keluar dan masuk tidak dilaporkan bagi negeri yang mempunyai kurang daripada tiga pintu keluar dan masuk.

INDEKS HARGA PENGGUNA

KONSEP

1. INDEKS HARGA PENGGUNA

DEFINISI

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. “Bakul” ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam “bakul” ini adalah luas, dikelaskan berpandu kepada United Nations “*Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP)” dalam dua belas kumpulan berikut:

- Makanan & minuman bukan alkohol
- Minuman alkohol & tembakau
- Pakaian & kasut
- Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
- Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah
- Kesihatan
- Pengangkutan
- Komunikasi
- Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan
- Pendidikan
- Restoran & hotel
- Pelbagai barangan & perkhidmatan

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

1. PENDUDUK

1.1 Pertumbuhan penduduk

Pertumbuhan penduduk adalah perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran.

Formula:

$$\text{Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan} = \frac{1}{n} \ln \frac{P_{t+n}}{P_t} \times 100$$

di mana;

- P_t = bilangan penduduk pada tahun t ;
- P_{t+n} = bilangan penduduk pada tahun $t+n$;
- n = bilangan tahun; dan
- $\ln$ = logaritma asli

1.2 Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk sekilometer persegi telah dikira sebagai nisbah bilangan penduduk sesuatu kawasan geografi kepada keluasan dalam kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

1.3 Agama

Merujuk kepada pengenalan atau perkaitan seseorang individu kepada satu set atau sistem kepercayaan dan amalan kepercayaan tersebut.

1.4 Etnik

Pengelasan etnik adalah seperti berikut:

Malaysia dan Semenanjung	Sabah dan W.P. Labuan	Sarawak
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu
Bumiputera Lain	Kadazan/ Dusun	Iban
	Bajau	Bidayuh
	Murut	Melanau
	Bumiputera Lain	Bumiputera Lain
Cina	Cina	Cina
India	India	India
Lain-lain	Lain-lain	Lain-lain
Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

1.5 Anggaran penduduk antara banci

Anggaran penduduk antara banci adalah anggaran penduduk bagi tarikh rujukan antara dua banci dan merupakan data siri masa anggaran penduduk yang muktamad. Data ini diselaraskan semula bagi setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan menggunakan set data kelahiran dan kematian muktamad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah ketakatan ke hadapan dan ketakatan berbalik.

1.6 Anggaran penduduk semasa

Anggaran penduduk semasa merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya.

1.7 Unjuran penduduk

Unjuran penduduk adalah anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan.

1.8 Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

1.9 Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

PENDUDUK

KONSEP

1.10 Jumlah nisbah tanggungan

DEFINISI

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Jumlah nisbah tanggungan} = \frac{(\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun} + \text{bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih}) \text{ dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.11 Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur muda} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.12 Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur tua} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

2. PERANGKAAN PENTING

2.1 Kelahiran hidup

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran kasar} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk pertengahan tahun dalam tahun, } t} \times 1,000$$

2.2 Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

[Kadar ini diperoleh dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5].

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan jumlah} = 5 \sum_i (\text{kadar kesuburan umur tertentu})$$

di mana: $i = (15-19), (20-24), \dots, (45-49)$

2.3 Kematian bayi

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

Formula:

$$\text{Kadar mortaliti bayi} = \frac{\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 1 tahun dalam tahun, } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t} \times 1,000$$

PENDUDUK

KONSEP

2.4 Kematian ibu
bersalin

DEFINISI

Merujuk kepada kematian seorang wanita yang hamil, ketika melahirkan anak sehingga 42 hari selepas melahirkan anak atau keguguran akibat daripada proses kehamilan dan pengendaliannya atau penyakit-penyakit yang menjejaskan kesihatan ibu dan bukan dari penyebab-penyebab kemalangan atau kebetulan.

Formula:

$$\text{Nisbah mortaliti ibu bersalin} = \frac{\text{Bilangan kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin dalam tahun, t}}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, t}} \times 100,000$$

3. JANGKAAN HAYAT

3.1 Jangkaan hayat

Purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu.

3.2 Jangkaan hayat
ketika lahir

Jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian pada umur tertentu yang tetap.

TENAGA BURUH

KONSEP

1. SURVEI TENAGA BURUH

DEFINISI

Survei Tenaga Buruh menggunakan pendekatan taraf sebenar yang mana seseorang itu dikelaskan berasaskan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa minggu rujukan. Taraf aktiviti ini terbahagi kepada kategori berikut:

i) Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur.

ii) Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

a. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.

b. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

c. Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

iii) Menganggur

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

TENAGA BURUH

KONSEP

DEFINISI

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- a. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkecayaan.
- b. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca.
- c. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

iv) Luar tenaga buruh

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

2. KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15–64 tahun) dalam bentuk peratusan. Formulanya adalah seperti berikut:

TENAGA BURUH

KONSEP

DEFINISI

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15–64 tahun)}} \times 100$$

3. KADAR PENGANGGURAN

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

GAJI & UPAH

KONSEP

1. SURVEI GAJI & UPAH

DEFINISI

Survei Gaji & Upah dijalankan dalam tempoh Januari hingga Disember untuk menyediakan statistik gaji & upah di peringkat nasional dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar. Pendekatan yang lengkap dan sistematik dalam pengumpulan dan prosesan data dikekalkan dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk mendapatkan perbandingan statistik siri masa.

Maklumat gaji & upah yang dipungut adalah merujuk kepada pekerjaan utama yang dilakukan oleh pekerja kerajaan atau swasta dalam bulan rujukan. Maklumat kadar upah dapat digunakan untuk mengukur perbezaan upah dan juga menilai kaitan gaji & upah dengan mobiliti buruh.

Statistik gaji & upah yang dipaparkan dalam laporan ini adalah merujuk kepada kadar upah merangkumi gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun dalam bentuk tunai atau mata benda seperti makanan dan penginapan percuma atau konsesi yang dibayar secara tetap dan berkala serta bayaran kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk bonus dan gratuiti, elaun keluarga dan lain-lain bayaran keselamatan sosial oleh majikan.

2. OBJEKTIF SURVEI

Objektif utama Survei Gaji & Upah ialah untuk mendapatkan kadar upah daripada pekerjaan utama melalui pendekatan isi rumah. Indikator utama gaji & upah bulanan daripada survei ini merupakan maklumat penting pasaran buruh yang dapat digunakan oleh agensi kerajaan sebagai input dalam perancangan dan pembentukan polisi serta pelaksanaan program berkaitan pembangunan sumber manusia dan sosial.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Populasi Survei Gaji & Upah adalah sama dengan Survei Tenaga Buruh (STB) iaitu meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia. Definisi populasi survei meliputi Penduduk yang tinggal di tempat kediaman (TK) persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di TK institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

GAJI & UPAH

KONSEP

DEFINISI

Bagi tujuan analisis, Survei Gaji & Upah mengambil maklumat pekerja yang berumur 15 hingga 64 tahun. Ini selari dengan analisis STB yang mengguna pakai kumpulan umur tersebut bagi mengukur penduduk yang aktif dalam ekonomi.

4. RANGKA PENSAMPELAN

Rangka yang digunakan bagi pemilihan sampel Survei Gaji & Upah adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah yang terdiri daripada blok penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

KONSEP

1. SISWAZAH

DEFINISI

Merujuk kepada individu berumur 15 tahun dan lebih yang memiliki sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Siswazah dikelaskan kepada dua kategori iaitu siswazah yang memiliki diploma dan ijazah.

i) Diploma

Merujuk kepada sijil dan diploma atau setaraf yang diterima daripada universiti, kolej, diploma politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf. Tempoh pengajian untuk memperoleh diploma atau sijil adalah sekurang-kurangnya dua tahun.

ii) Ijazah

Ijazah merujuk kepada semua ijazah universiti (Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang diiktiraf di Malaysia dan di luar negara.

2. KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH SISWAZAH (KPTBS)

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

Bagi siswazah, KPTBS ditakrifkan sebagai perkadaran siswazah dalam tenaga buruh kepada jumlah siswazah umur bekerja (15 tahun dan lebih) yang dilaporkan dalam peratusan seperti berikut:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan siswazah dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan siswazah dalam umur bekerja (15 tahun dan lebih)}} \times 100$$

STATISTIK SISWAZAH

KONSEP

3. KADAR PENGANGGURAN SISWAZAH

DEFINISI

Kadar pengangguran siswazah ialah perkadaran siswazah menganggur kepada bilangan siswazah dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus siswazah di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran siswazah adalah dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pengangguran siswazah} = \frac{\text{Bilangan siswazah menganggur}}{\text{Bilangan siswazah dalam tenaga buruh}} \times 100$$

4. STATUS AKTIVITI SISWAZAH

Status aktiviti seseorang siswazah adalah berdasarkan kepada kegiatan aktiviti dalam pasaran buruh. Status siswazah dikategorikan seperti berikut:

- i) Tenaga buruh siswazah
Merujuk kepada siswazah berumur 15 tahun dan lebih sama ada bekerja atau menganggur.
- ii) Siswazah bekerja
Siswazah yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:
 - a. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja;
 - b. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula;
 - c. Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

STATISTIK SISWAZAH

KONSEP

DEFINISI

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

iii) Siswazah menganggur

Siswazah menganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dapat dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu:

Penganggur aktif	Penganggur tidak aktif
Siswazah yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.	i. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkecayaan. ii. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca. iii. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan

iv) Siswazah luar tenaga buruh

Siswazah yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai siswazah luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

1. OBJEKTIF SURVEI

Objektif utama Survei Pelancongan Domestik ialah untuk mengumpul maklumat berkaitan profil serta corak perbelanjaan pelancongan domestik. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk membantu kerajaan dalam merancang dan menggubal dasar pelancongan negara. Data yang dikumpul juga adalah bertujuan untuk memberi input kepada penyusunan Akaun Satelit Pelancongan (TSA) yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan memenuhi permintaan data daripada agensi-agensi berkaitan industri pelancongan.

2. KAEDAH PENGUMPULAN

Survei Pelancongan Domestik dijalankan melalui kaedah temuramah secara bersemuka dengan responden. Dalam tempoh survei, penemuramah yang terlatih akan melawat isi rumah di tempat kediaman terpilih untuk mengumpul maklumat pelancongan domestik termasuk butir-butir demografi semua ahli isi rumah. Semakan kualiti dijalankan dengan mengadakan lawatan semula bagi isi rumah terpilih untuk memastikan borang soal selidik lengkap diisi.

3. DATA YANG DIPUNGUT

Soalan-soalan berikut akan ditanya bagi ahli isi rumah yang melakukan perjalanan pelancongan domestik:

- a) Jenis perjalanan;
 - Perjalanan harian;
 - Perjalanan bermalam;
- b) Pendapatan bulanan;
- c) Bilangan hari bagi setiap perjalanan bermalam;
- d) Destinasi utama;
- e) Tujuan utama;
- f) Aktiviti utama; dan
- g) Perbelanjaan perjalanan pelancongan.

4. TEMPOH RUJUKAN

Pengumpulan data dibuat mengikut bulan rujukan dari bulan Januari hingga Disember. Maklumat yang dikumpulkan merujuk kepada bulan semasa.

5. SKOP DAN LIPUTAN

Survei Pelancongan Domestik meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi negeri-negeri di Malaysia. Survei ini meliputi residen yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, berek tentera dan rumah tumpangan.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

Bagi tujuan pelaporan, hanya maklumat lengkap residen yang berumur 15 tahun dan ke atas yang ada melakukan perjalanan pelancongan domestik dipungut.

6. PELAWAT DOMESTIK

Pelawat domestik ditakrifkan sebagai residen atau mereka yang tinggal di Malaysia sekurang-kurangnya setahun termasuk ekspatriat dan bukan warganegara, yang melakukan perjalanan di luar persekitaran biasanya dalam tempoh kurang daripada setahun untuk tujuan perniagaan, mengisi masa lapang atau urusan peribadi selain untuk diambil bekerja di tempat yang dilawati. Pelawat domestik terdiri daripada pelancong dan pelawat harian.

- i) Pelancong merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu malam (24 jam); manakala
- ii) Pelawat harian merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia kurang daripada 24 jam.

7. PERJALANAN PELANCONGAN

Perjalanan pelancongan ditakrifkan sebagai perjalanan pelawat ke sesebuah tempat di luar dari persekitaran biasa mereka dalam tempoh tidak lebih dari satu tahun dengan tujuan utama (sama ada urusan perniagaan, percutian atau urusan peribadi) selain untuk diambil bekerja oleh residen di tempat yang dilawati.

Perjalanan pelancongan domestik merujuk kepada perjalanan ke sesuatu destinasi utama di dalam negara residen pelawat berkenaan.

Perjalanan pelancongan domestik terbahagi kepada dua:

- i) Perjalanan harian

Perjalanan keluar dari rumah yang jaraknya 50 km dan lebih pergi dan balik serta mengambil masa 4 jam dan lebih. Bagi jarak yang kurang dari 50 km pergi dan balik, masa yang digunakan hendaklah 4 jam dan lebih serta menggunakan kemudahan pelancongan seperti kemudahan pengangkutan, penginapan, makanan & minuman atau rekreasi.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

ii) Perjalanan bermalam

Perjalanan yang melibatkan seseorang meninggalkan tempat kediamannya sekurang-kurangnya untuk tempoh satu malam (24 jam) dengan tujuan perjalanan berkaitan dengan aktiviti pelancongan serta menggunakan kemudahan pelancongan. Perjalanan tersebut mestilah dalam tempoh kurang dari 12 bulan.

8. KEMUDAHAN
PELANCONGAN

Kemudahan pelancongan adalah segala kemudahan yang membantu dalam menjayakan aktiviti pelancongan seperti kemudahan penginapan, makanan & minuman dan pengangkutan.

9. AKTIVITI
PELANCONGAN

Aktiviti pelancongan adalah merujuk kepada perkara yang dilakukan semasa melancong atau semasa melakukan perjalanan pelancongan.

10. PERBELANJAAN
PELANCONGAN
DOMESTIK

Perbelanjaan pelancongan domestik merujuk kepada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelawat domestik dalam sesebuah negara. Ia merujuk kepada jumlah yang dibayar bagi perolehan penggunaan barangan & perkhidmatan dan barang berharga, untuk kegunaan sendiri atau untuk diberi ketika dan semasa perjalanan pelancongan. Ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan sendiri dan perbelanjaan yang dibayar oleh orang lain (contoh: majikan). Walau bagaimanapun, perbelanjaan berikut dikecualikan daripada perbelanjaan pelancongan domestik:

- Pembelian aset kewangan dan aset bukan kewangan, termasuk tanah dan hartanah, tetapi barangan berharga dikecualikan; dan
- Perbelanjaan barang-barang bagi tujuan untuk dijual semula samada bagi pihak ketiga (pengeluar atau lain-lain) atau keuntungan sendiri.

Bagi pelancongan domestik, komponen perbelanjaan adalah seperti berikut:

i) Membeli-belah

Pembelian barang-barang termasuk pembelian barangan berharga seperti barangan kemas, lukisan dan lain-lain.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

- ii) Pembelian bahan api kenderaan
Petrol, diesel dan *Natural Gas Vehicle* (NGV).
- iii) Pengangkutan
Termasuk tambang kapal terbang, bas, teksi/*e-hailing* (contoh: Grab), feri, bot, sampan atau keretapi. Ia turut meliputi perkhidmatan kereta sewa, bayaran tol dan bayaran tempat letak kereta.
- iv) Makanan & minuman
Perbelanjaan makanan & minuman di restoran, kafe atau gerai makan.
- v) Penginapan
Pembayaran hotel, motel, chalet, pangsapuri, rumah rehat, inap desa atau lain-lain jenis penginapan berbayar.
- vi) Pakej
Bayaran pakej yang disediakan oleh operator pelancongan atau agensi pelancongan.
- vii) Bayaran masuk atau tiket
Perbelanjaan bagi aktiviti kesenian dan rekreasi seperti bayaran masuk taman tema, zoo, wayang gambar, konsert, teater dan lain-lain.
- viii) Aktiviti lain
Perbelanjaan bagi aktiviti sukan, rawatan di klinik/hospital, pusat kesihatan, aktiviti spa, bayaran pendaftaran bagi seminar/pertandingan, perjudian dan lain-lain.
- ix) Perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati
Perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan yang dinilai bagi penginapan serta makanan & minuman yang disediakan di rumah saudara atau rakan. Perbelanjaan ini tidak diambil kira di dalam penyusunan TSA.

11. DESTINASI UTAMA

Destinasi utama perjalanan pelancongan ditakrifkan sebagai tempat di mana tujuan utama perjalanan tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada destinasi utama yang dapat diberikan oleh pelawat, maka destinasi utama akan dikelaskan berdasarkan masa yang diambil semasa berada di

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

destinasi tersebut. Seterusnya, jika pelawat masih tidak dapat menetapkan destinasi utama maka destinasi utama ditetapkan berdasarkan jarak yang paling jauh dengan tempat tinggal biasa.

12. PURATA PERBELANJAAN PER PERJALANAN

Merujuk kepada perbelanjaan per pelawat bagi setiap perjalanan. Pengiraan dibuat dengan membahagikan jumlah perbelanjaan dengan jumlah bilangan perjalanan.

$$\text{Purata perbelanjaan per} = \frac{\sum \text{Perbelanjaan}}{\sum \text{Bilangan perjalanan}}$$

13. PURATA BILANGAN HARI MENGINAP

